AFYAN MAT RAWI, IFP

BIJAK MERANCANG WANG

30 Tip Praktikal Perancangan Kewangan



BIJAK MERANCANG WANG
infaQ CONSULTANCY SDN BHD
"Plan Your Wealth, Change Your Life"

"Plan Your Wealth, Change Your Life "

infaQ
CONSULTANCY SDN BHD

"Plan Your Wealth, Change Your Life"

Pengarang:
Afyan Bin Mat Rawi
Islamic Financial Planner,
Pengarah INFAQ Cunsultacy Sdn Bhd

Editor dan Susunan:
Nur Ain Binti Airil
Konsultan INFAQ Consultancy Sdn Bhd

Grafik dan Design:
Asma Hanisah Binti Mohammad Yusof

Disclaimer ©:
Terbitan INFAQ Consultancy
Pertama Mac 2016

Tidak dibenarkan dibenarkan menyetak, menyalin, menyiarkan, mengulang dalam apa-apa bentuk medium, menghantar, mengubahsuai atau mengubah dalam apa cara sekalipun kandungan-kandungan ebook ini tanpa kebenaran bertulis daripada INFAQ Consultancy Sdn Bhd.

Bijak Merancang Wang | 30 Tip Praktikal Perangan Kewangan

Isi Kandungan

Pendahuluan

1. Perancangan Harta Dan Pengurusan Kewangan?
2. Punca Hutang Rakyat Malaysia dan Solusi
3. Perunding Kewangan vs Jurujual Produk Kewangan

Aliran Tunai Kewangan / Cashflow

4. Aliran Tunai / Cashflow
5. Formula Kewangan Menggunakan Model INFAQ

Nilai Aset Bersih / Nett Worth

6. Menghadapi Gawat
7. Ibrah Surah Yusuf
8. Selepas Kita Meninggal Dunia, Siapa Yang Akan Bayar Hutang Yang Kita Buat?

Simpanan Kewangan / Saving

9. Simpanan
10. Memulakan Simpanan
11. Merancang Haji

Perlindungan Kewangan / Protection

12. Fungsi Takaful
13. Medical Card 3 Dalam 1?
14. Memilih Polisi Yang Betul
15. Takaful Medical Card vs Takaful Penyakit Kritikal

16. Takaful Sebagai Pengganti Pendapatan/Income Protection

17. Baca Polisi Medical Card Anda

Perlaburan Kewangan / Investment

18. Memulakan Pelaburan Pertama

19. Panduan Pelaburan Amanah Saham

20. Pelaburan Dan Kepelbagaian

21. Plan Persaraan; Cara Pengiraan

22. Emas Sebagai Penyimpan Nilai?

23. Bank Konvensional Vs Bank Islam

Penyucian Kewangan / Purification

24. Pesanan Berharga

25. Hibah dan Waqaf: Perancangan Kewangan Akhirat

26. Zakat Bukan Sekadar Zakat Fitrah

Pengagihan Kewangan / Distribution

27. Perancangan Kewangan Kematian

28. Bagaimana Merancang Harta Sepencarian

29. Isu Harta Sepencarian

30. Penama Bukan Pewaris – Fatwa

Penutup

31. Kaya Vs Miskin

32. Buat, Jangan Tak Buat

PENDAHULUAN

1. Perancangan Harta Dan Pengurusan Kewangan?
2. Punca Hutang Rakyat Malaysia Dan Solusi
3. Perunding Kewangan vs Jurujual Produk Kewangan

TIP RM 1 Perancangan Harta Dan Pengurusan Kewangan?

Perancangan kewangan bukan soal merancang untuk menjadi kaya raya, atau hartawan atau jutawan.

Perancangan kewangan adalah tentang mencapai matlamat kewangan dan pengurusan harta dengan baik di dunia dan akhirat.

- Memperoleh pekerjaan dan pendapatan yang berpatutan dengan kehendak kehidupan semasa agar dapat membina keluarga yang bahagia.
- Mengumpulkan harta dengan jalan yang berkat di dunia dan untuk akhirat.
- Dapat membayar zakat,bersedakah dan membantu umat Islam yg dalam kesusahan.
- Dapat menyediakan pendidikan yang sempurna untuk anak-anak, dari pra-sekolah hingg ake manara gading.
- Dapat menyediakan kediaman yang baik untuk keluarga sehingga selepas bersara tanpa perlu membayar sewa atau ansuran lagi.
- Boleh bersara dengan dana yang cukup tanpa bergantung kepada anak-anak.
- Boleh mendapat rawatan yang baik apabila ditimpa sakit.
- Dapat menyediakan pendidikan yang sempurna untuk anak-anak.
- Dapat menunaikan haji ketika sihat, tanpa mengharap belas ihsan anak-anak ketika tua kelak.
- Meninggalkan pasangan dan anak-anak tanpa mereka perlu meminta-minta selepas ketiadaan kita.
- Dapat menyediakan wasiat dan waqaf utk kelangsungan ekonomi umat Islam, dan menjadi “pahala pasif” di alam kubur kelak.

- Meninggalkan pasangan dan anak-anak dalam keadaan sudah disediakan plan perancangan pusaka untuk mereka untuk memudahkan proses pembahagian harta faraidh dan pusaka.

Itulah perancangan kewangan!

"Bahagia itu dari hati, bukan dari wang, tapi ketiadaan wang boleh menyebabkan hidup gundah gulana"

TIP RM 2 Punca Hutang Rakyat Malaysia dan Solusi

Lebih separuh beban hutang rakyat Malaysia berpunca dari kegagalan mengurus kewangan dengan baik;

1) **22.8% berpunca dari perancangan kewangan yang lemah. Ia jelas satu kegagalan menguruskan kewangan.**

SOLUSI: Pelajari perancangan kewangan, ilmu yang tidak pernah diajar dalam sistem pendidikan di Malaysia dari pra sekolah hingga ke menara gading.

2) **18.1% pula berpunca dari kos perubatan yang tinggi, dan 1.4% berpunca dari kematian pasangan.**

SOLUSI: Ini dapat diatasi dengan kebijaksanaan pengurusan takaful, untuk menyerap kos perubatan yang tinggi melalui plan talaful medical card. Juga merancang plan pengggantian pendapatan melalui plan polisi takaful untuk suami-isteri. Dengan hanya memperuntukkan sekitar 5% ke 10% dari gaji bulanan, ia dpt menyelesaikan kesulitan kos perubatan, sakit kritikal dan kematian pasangan di kemudian hari.

3) **11.1% pula berpunca dari hutang kad kredit.**

SOLUSI: Sama dengan no 1, belajar ilmu kewangan. Sebenarnya ia dapat diatasi dengan berhati-hati menggunapakai pakai kredit. Jika tidak guna langsung adalah lebih baik. Caj bank ke atas kad kredit adalah yang paling tinggi berbanding perkhidmatan lain seperti hutang peribadi (personal loan), hutang kereta atau hutang rumah. Ia boleh mencecah hingga 18% setahun, satu jumlah yang sangat tinggi.

4) **4.4% berpunca dari kos sara hidup meningkat, dan 4.1% berpunca dari komitmen kewangan yang tidak dijangka.**

SOLUSI: Ia dapat ditangani dengan baik dengan membuat persediaan awal melalui simpanan di instrumen rendah risiko. Masalah utama rakyat Malaysia ialah tidak berdisiplin dalam membuat simpanan.

5) **Akhir sekali, 1.1% berpunca dari kegagalan pelaburan.**

SOLUSI: Perkara ini dapat diatasi melalui pelaburan bijak dan tidak terpengaruh dengan skim-skim pelaburan haram dan skim cepat kaya.

NOTA:
Grafik ini diambil dari Harian Metro dan ulasan oleh perunding kewangan INFAQ Consultancy.

TIP RM 3 Perunding Kewangan vs Jurujual Produk Kewangan

Bezakan perunding kewangan dengan jurujual produk kewangan.

Perunding kewangan akan meneliti keperluan kewangan terlebih dahulu sebelum mencadangkan produk yang sesuai. Manakala jurujual terus sahaja memberi proposal / brosur produk mereka.

Perunding kewangan mencadangkan produk berdasarkan kondusi kewangan prospek. Manakala jurujual produk kewangan mencadangkan produk berdasarkan produk yang mereka ada.

Perunding kewangan mencadangkan solusi, manakala jurujual produk kewangan mencadangkan produk.

Perunding kewangan memberi solusi dan produk yang berbeza-beza berdasarkan latar kewangan pelanggan, manakala jurujual memberi produk yang sama untuk kesemua pelanggan. Sebagai contoh :

Jika ada pesakit yang batuk datang menemui doktor, adakah seseorang doktor akan terus memberikan ubat batuk?

Sudah tentu tidak sama sekali. Doktor akan diagnos kesihatan pesakit untuk menentukan sama ada batuk yang dihidapinya itu sakit biasa atau ada sakit-sakit lain seperti TB, Asma atau lain-lain.

Dia akan periksa suhu pesakit, kerongkong pesakit, malah jika perlu mungkin tekanan darah dan jantung pesakit. Jadi, setiap sakit memerlukan ubat berbeza-beza. Sudah tentu ubat batuk biasa tidak menyembuhkan pesakit yang sedang batuk kerana TB.

Begitulah halnya dengan perunding kewangan.

Seseorang prospek akan saya "diagnos" terlebih dahulu sebelum mencadangkan "ubat" yang sesuai. Dalam proses diagnos tersebut, sebagaimana doktor, saya akan tanyakan soalan-soalan yang berlegar sekitar kedudukan kewangannya dari segi pendapatan, perbelanjaan, aset, liabiliti dan sebagainya.

Dari situ, barulah saya boleh mencadangkan apakah produk yang paling sesuai untuk seseorang prospek.

"**Rancang kewangan anda**,
sebelum kewangan anda dirancang oleh ejen unit trust, ejen takaful, staff bank, promoter kad kredit, kedai aksesori, staf bahagian pinjaman perumahan, along, penjual emas, ejen MLM, remiser saham, dll"

infaQ
CONSULTANCY SDN BHD
"Plan Your Wealth, Change Your Life"

/infaq.my

ALIRAN TUNAI KEWANGAN / CASHFLOW

4. Aliran Tunai / Cashflow
5. Formula Kewangan Menggunakan Model INFAQ

TIP RM 4 Aliran Tunai / Cashflow

I - E = SR

Ini adalah formula asas aliran tunai perancangan kewangan. Tidak perlu matematik tinggi atau kursus perakauan atau PhD untuk memahaminya.

I = Income (PENDAPATAN),

E = Expenses (BELANJA), dan

SR = Surplus / Remainder (LEBIHAN).

Ia juga dipanggil sebagai CASHFLOW atau ALIRAN TUNAI.

Prinsip asasnya ialah, SR mesti positif agar ALIRAN TUNAI tidak terganggu.

Lebih TINGGI jumlah SR, adalah lebih bagus.

Untuk memastikan SR berada dalam keadaan positif, maka faktornya ialah I dan E.

Sebenarnya, PENDAPATAN dan BELANJA adalah faktor di dalam kawalan kita.

INCOME / PENDAPATAN

Kita tidak boleh untuk mengawal tangga gaji yang diberikan oleh majikan kita, tapi kita boleh berusaha untuk mendapatan PENDAPATAN tambahan dengan memilih pekerjaan atau bisnes baru.

EXPENSES / BELANJA

Kita tidak mampu untuk mengawal harga barang, harga tol, harga petrol, tarif eletrik, kadar cukai, dan sebagainya, tapi kita ada pilihan untuk memilih gaya hidup dengan BELANJA di bawah PENDAPATAN kita. Jika S adalah negatif, maka caranya ialah sama ada, dengan meningkatkan I atau mengurangkan E.

TIP RM 5

Formula Kewangan Menggunakan Model INFAQ



Pendapatan, dibahagikan kepada bahagian;

- 30% Perbelanjaan isi rumah,
- 30% Pembayaran hutang,
- 30% Lebihan
- 5% Pemberian, dan
- 5% Lain-lain

1) 30% PERBELANJAAN ISI RUMAH seperti sewa, petrol, makan, minum dan lain-lain

2) 30% PEMBAYARAN HUTANG seperti hutang rumah, hutang kereta, hutang personal, hutang pendidikan dan lain-lain

(Nota: Item 1 dan 2 boleh digabungkan dengan maksima 60%.)

3) 30% LEBIHAN

Lebihan pula dibahagikan kepada 3:

- Simpanan 10%
- Perlindungan 10%
- Pelaburan 10%

3.1) SIMPANAN (10%). Instrumen simpanan mestilah:

- ✓ Tiada caj dan risiko
- ✓ Mudah cair

Kenapa perlu 2 ciri ini? Untuk kegunaan kecemasan, kita boleh keluarkan bila-bila masa tanpa sebarang kos sampingan.

Atas dasar itu, Tabung Haji ialah tempat terbaik memandangkan ia tiada kos dan berikan pulangan 6% setahun dan ditolak zakat.

Sasaran minima simpanan, jumlah sama dengan 3 ke 6 bulan gaji.

3.2 PERLINDUNGAN (10%), melalui takaful.

Perkara yang perlu dilindungi ialah:

- ✓ Perlindungan pendapatan
- ✓ Penyelesaian hutang
- ✓ Pengekalan asset

Ketiga-tiga di atas untuk menghadapi saat-saat musibah kematian, lumpuh kekal dan sakit kritikal.

3.3 PELABURAN (10%), ada pelbagai instrumen seperti saham, unit trust, hartanah, emas dan lain-lain.

Pelaburan, melalui kaedah:

- ✓ Peningkatan nilai modal, dan
- ✓ Pengagihan pendapatan (dividen / pendapatan pasif / sewaan)

4) 5% PEMBERIAN dan lain-lain zakat, sedekah, cukai, pemberian kepada ibu bapa dan lain-lain.

5) 5% LAIN-LAIN utk perkara-perkara lain selain di atas

infaQ
CONSULTANCY SDN BHD

"Plan Your Wealth, Change Your Life"

NOTA:

1. Kami namakan model perancangan kewangan ini sebagai INFAQ, akronim kepada INTELLIGENT & FINANCIAL QUOTIENT dan perkataan INFAQ juga istilah yang dekat dengan elemen kewangan dalam ISLAM.

2. Perbelanjaan isi rumah dan pembayaran hutang boleh digabungkan dengan peruntukan 60%

3. Apabila sudah capai SIMPANAN 3 bulan gaji, peruntukan bulanan 10% boleh diagihkan kepada PELABURAN.

4. Bermakna, selepas langkah ke 3, peruntukan PELABURAN akan menjadi 20% sebulan.

5. PERLINDUNGAN takaful dengan peruntukan 10% adalah untuk diri sendiri. Untuk takaful anak-anak, ia di bawah item PERBELANJAAN ISI RUMAH.

6. Jika sekarang PERBELANJAAN ISI RUMAH dan PEMBAYARAN HUTANG melebihi 60%, boleh mulakan dengan lebihan yang ada untuk membuat pembahagian SIMPANAN, PERLINDUNGAN dan PELABURAN.

Nilai Aset Bersih / Nett Worth

6. Menghadapi Gawat
7. Ibrah Surah Yusof
8. Selepas Kita Meninggal Dunia, Siapa Yang Akan Bayar Hutang Yang Kita Buat?

TIP RM 6 Menghadapi Gawat

Dalam situasi kos sara hidup yang semakin meningkat, kita terpaksa menghadapi keadaan BELANJA meningkat dan sekaligus BAKI berkurangan dan mungkin menjadi kosong atau negatif.

Ada dua kaedah untuk menstabilkan kembali ALIRAN TUNAI, iaitu;

1) Meningkatkan PENDAPATAN, atau / dan

2) Mengurangkan BELANJA.

Dalam hidup, kita selalu mengimpikan hidup tanpa belengu kewangan;

+ Membeli rumah kediaman dengan harga yang berpatutan,

+ Kereta dengan cukai yang rendah,

+ Pendapatan yang mencukupi menyara perbelanjaan,

+ Harga petrol yang murah,

+ Tiada tol,

+ Pendidikan percuma, dan lain-lain

Namun kita harus sedar, ada perkara yang di dalam kawalan kita dan ada perkara yang di luar kawalan kita.

Harga barang, harga rumah, harga petrol, tarif eletrik, kos pendidikan, cukai kereta, dan lain-lain adalah perkara di luar kawalan kita.

Yang di dalam kawalan kita untuk memilih pemimpin yang membuat polisi dasar negara, tapi peluangnya hanya 5 tahun sekali.

Pilihan lain yang ada adalah usaha untuk menambah PENDAPATAN dan mengurangkan BELANJA, kemudian serahkan kepada ALLAH dan bertawakal.

TIP RM 7 Ibrah Surah Yusuf

Menyentuh tentang peristiwa yang dikalamkan Allah di dalam kitab-Nya melalui surah Yusuf, satu-satunya Nabi yang diceritakan kisah hidupnya sedari kecil hingga dewasa di dalam sebuah surah.

Di dalam surah Yusuf ada menceritakan tentang mimpi Raja Mesir apabila 7 ekor lembu gemuk dimakan oleh 7 ekor lembu kurus. Ia ditafsir oleh Nabi Yusuf sebagai zaman ekonomi sedang meningkat naik yang akan dialami oleh Mesir selama 7 tahun dan kemudian 7 tahun berikutnya akan mengalami zaman gawat ekonomi dan kemarau.

Persediaan yang diambil oleh kerajaan Mesir atas nasihat Nabi Yusoff ialah dengan menyimpan SEPARUH gandum bersama-sama dengan tangkainya selama tujuh tahun ketika ekonomi meningkat sebagai persediaan untuk menghadapi 7 tahun ekonomi meleset.

Saranan ini dianjurkan untuk dilakukan ketika ekonomi Mesir sedang baik.

Jika diterjemahkan ke dalam bahasa anak muda sekarang ialah, ketika sedang "masyuuuuk". Ketika sedang "masyuuuk" inilah kita perlu berjimat cermat, bukan ketika "sengkek".

Jika ketika "sengkek" baru kita hendak berjimat cermat, sebenarnya itu bukan hendak berjimat cermat, kerana itu terpaksa.

Strategi ampuh ini berjaya mengukuhkan ekonomi Mesir.

Ada pelbagai pengajaran daripada mukjizat Allah ini, iktibar ekonomi dan kewangan hanyalah secebis kisah pengajaran yang boleh kita ambil dari surah Yusuf.

Saya ingin mengambil dua penting dari aspek kewangan dan ekonomi;

1) 7 tahun musim ekonomi baik dan 7 tahun ekonomi meleset

2) Simpan separuh gandum bersama-sama tangkai

Kitaran ekonomi dunia hari ini menyaksikan perkara yang sama. Ada masa ekonomi baik, ada masa ekonomi meleset.

Begitu juga ekonomi dan kewangan individu serta bisnes. Ada masa kewangan kita stabil, dan ada masa ia menghadapi cabaran getir. Dalam bisnes, ada tahun-tahun yang bisnes kita berkembang pesat, dan ada masa-masa ia bergerak perlahan sekali.

Justeru, untuk menghadapi zaman-zaman gawat, sama ada zaman kegawatan dunia atau zaman kegawatan ekonomi sendiri, Nabi yusuf sudah tunjukkan panduan dengan cara melakukan simpanan gandum bersama tangkai-tangkainya.

Kita boleh mengambil tindakan sama; SIMPAN SEPARUH PENDAPATAN.

Soalan yang akan diajukan ialah;

"Gaji pun cukup-cukup makan, macam mana nak simpan?"

"Simpan separuh? Sekarang pun defisit"

Untuk melakukan perkara ini, dua pekara yang perlu diberi perhatian, ialah;-
1) Mengurangkan PERBELANJAAN

2) Menambahkan PENDAPATAN

Ia hanyalah TEORI selagi mana kita tidak menterjemahkan ke dalam TINDAKAN.

Sebagai contoh, ketika minggu gaji kita berbelanja makan di restoran mewah, dan ketika hujung bulan kita makan meggi - ini tidak dikira sebagai berjimat cermat.

Sudah mula menyimpan?

Jika belum, boleh mulakan sekarang, ketika minggu gaji.

Ada berani?

TIP RM 8 Selepas Kita Meninggal Dunia, Siapa Yang Akan Bayar Hutang Yang Kita Buat?

Ramai antara kita buat personal loan, buat hutang itu hutang ini.

Tetapi terlupa fikir siapa yang bertanggungjawab membayar hutang tersebut sekiranya kita mati awal.

"Tuan, Hutang saya dilindungi insurans."

Betul, tetapi bukan semua hutang yang kita buat ada perlindungan insurans. Dan bukan semua insurans hutang melindungi sekiranya kita meninggal dunia. Ada yang cover sekadar kemalangan sahaja.

Ada hutang yang memang bank akan suggest supaya kita ambil perlindungan insurans, maksudnya sekiranya kita terlibat kemalangan, insurans itu akan bayarkan baki hutang kita.

Tetapi ada juga hutang yang kita tidak sedar tiada perlindungan insurans pun. Contohnya hutang dengan kawan dan hutang dengan mak bapak.

Apa yang boleh dibuat untuk selesaikan isu ini?

Ada satu cara boleh dibuat iaitu selesaikan semua hutang itu sebelum mati.

"Manalah kita tahu bila waktu kita akan mati?"

Jika begitu, sediakan anak isteri kita untuk membayar hutang tersebut.

Bagaimana caranya?

Ambil cara kedua, kita buat stail bank. Guna takaful untuk bayarkan hutang kita selepas kita mati. Masukkan jumlah hutang yang ada dalam takaful individu.

Contohnya sekiranya hutang kita yang tidak dilindungi itu berjumlah RM150,000.00, maka tambah satu polisi takaful kecil untuk melindungi jumlah tersebut.

Sekiranya sesuatu bencana berlaku kepada diri kita, isteri kita akan dapat pampasan yang mencukupi untuk membayar hutang peribadi kita itu.

PS: Jangan susahkan orang hidup selepas kita mati.

HUTANG

Hutang umpama

lemak dan **kolestrol**.

Ada yang **baik** ada yang **buruk**.

Jika bijak menguruskannya, kita akan beroleh **hidup yg tenang**.

Jika sebaliknya, maka kita akan beroleh **hidup yang merana**.

infaQ
CONSULTANCY SDN BHD
"Plan Your Wealth, Change Your Life"

/INFAQ.my

Simpanan / Saving

9. Simpanan
10. Memulakan Simpanan
11. Merancang Haji

TIP RM 9 Memulakan Simpanan

Membuat SIMPANAN adalah perkara asas dalam pengurusan kewangan. Ia perkara mudah untuk disebut, tapi sukar untuk dilaksanan.

Biasanya ia dilakukan ialah dengan cara;

GAJI (tolak) BELANJA = SIMPANAN

Yakni, berbelanja dahulu selepas mendapat GAJI kemudian baru MENYIMPAN.

Sebenarnya dengan kaedah di atas, ia tidak jadi SIMPANAN, tetapi menjadi BAKI;

GAJI (tolak) PERBELANJAAN = BAKI

Dengan kaedah ini, BAKI mungkin akan tinggal 0 akhirnya dan tiada lagi SIMPANAN.

Yang sebetulnya ialab dengan cara;

GAJI (tolak) SIMPANAN = PERBELANJAAN

Yakni dengan cata membuat SIMPANAN terlebih dahulu selelas menerima GAJI.

Dengan cara ini SIMPANAN akan dapat dibuat setiap bulan tanpa gagal.

Berapa simpanan yang patut dibuat?

Mengikut cara Nabi Yusuf, jumlahnya ialah SEPARUH.

Wah, separuh?! Oh, jika belum mampu untuk membuat SIMPANAN sebanyak SEPARUH, boleh mulakan dengan 10%.

10% juga terlalu banyak? Jangan fokus kepada 10% yang kita simpan, tapi fokus kepada 90% yang boleh kita belanjakan.

TIP RM 10 Memulakan Simpanan

Berikut ialah statistik tabiat menyimpan rakyat Malaysia

- ✓ 23.4% tiada simpanan,
- ✓ 17% miliki simpanan 1-2 bulan belanja,
- ✓ 17.5% miliki simpanan 3-6 bulan belanja,
- ✓ 42.1% miliki simpanan lebih 6 bulan belanja.



Secara umumnya, kesedaran tentang amalan membuat simpanan masih rendah di Malaysia.

Aspek simpanan, amat penting dalam aliran tunai kewangan seseorang dan ia amat berkait rapat dengan pendapatan dan perbelanjaan.

SIMPANAN merupakan satu tahap yang paling penting dalam pengurusan kewangan. Dalam semua buku-buku pengurusan kewangan di seluruh dunia dan tempatan akan menekankan perkara ini.

Malah di dalam Al-Quran sendiri, cerita Nabi Yusof menunjukkan bahawa menyimpan itu adalah sengat perlu.

Sebagaimana yang saya sentuh di awal tulisan tadi, SIMPANAN diletakkan sebelum PERLINDUNGAN dan PELABURAN.

Sekiranya seseorang itu gagal untuk menyimpan, maka sebenarnya dia telah gagal untuk menguruskan kewangannya dengan baik. SIMPANAN merupakan satu tanda aras pengurusan kewangan yang baik.

Ya, untuk memperkatakannya memang mudah, tetapi untuk melaksanakannya amat-amat payah dan sukar sekali!

Namun, tiada perkara mustahil di dunia ini!

Semoga tip-tip yang diberikan dapat membantu saudara-saudara untuk membuat simpanan.

Berapakah jumlah yang sepatutnya disimpan?

Sebelum pergi kepada kaedah bagaimana untuk menyimpan, pertama sekali harus letakkan matlamat terlebih dahulu.

Ada orang menyimpan untuk membeli rumah, ada orang menyimpan untuk menabung untuk pendidikan anak-anak, ada orang menyimpan untuk persaraan, ada orang menyimpan untuk menunaikan haji, dan sebagainya.

Contoh-contoh di atas adalah situasi-situasi berbeza-beza tujuan simpanan tersebut.

“Simpanan yang paling utama adalah untuk dana rizab atau dana kecemasan. Tujuan dana rizab ini adalah untuk menyediakan kewangan yang cukup untuk memastikan kestabilan hidup seandainya kewangan kita terjejas.”

TIP RM 11 Merancang Haji

#1 Rancang untuk menunaikan haji dari muda, seawal memulakan alam pekerjaan. Lebih awal lebih bagus. Letakkan matlamat pada usia berapa kita hendak menunaikan haji, dan rancang kewangan untuk ke sana, melalui simpanan, dan pelaburan.

#2 Jika menyimpan di Tabung Haji untuk tujuan ini, perlu berdisiplin supaya tidak dikeluarkan selagi belum sampai tempohnya. Sebaiknya elakkan mendaftarkan kad ATM kerana ia memungkinkan kita mudah untuk keluarkannya.

#3 Jangan jadikan anak-anak sebagai plan perancangan haji dengan mengharapkan mereka menghantar kita menunaikan haji apabila mereka bekerja kelak. Mereka juga ada komitmen kewangan tersendiri.

Nota: Tip nombor #3 bukan alasan untuk si anak untuk tidak berusaha membantu ibu bapa menunaikan haji.

PENGIRAAN KOS HAJI

Berikut adalah kiraan kewangan untuk menunaikan haji 20 tahun akan datang, jika baru merancang sekarang.

Kos haji sekarang = RM15,000 hingga RM25,000.

Kos haji 20 tahun akan datang dengan anggaran purata inflasi 5% setahun = RM39,000 hingga RM66,000.

Maka, untuk mengumpulkan simpanan sebanyak RM39,000 hingga RM66,000 pada 20 tahun akan datang, dengan purata keuntungan setahun 6% ialah = perlu menyimpan RM85 hingga RM140 sebulan.

Jadi, bila hendak mulakan simpanan haji?

Waktu terbaik untuk memulakan simpanan haji ialah 20 tahun yang lalu. Waktu kedua terbaik ialah SEKARANG.

PERLINDUNGAN KEWANGAN / PROTECTION

12. Fungsi Takaful
13. Medical Card 3 Dalam 1?
14. Memilih Polisi Yang Betul
15. Takaful Medical Card vs Takaful Penyakit Kritikal
16. Takaful Sebagai Pengganti Pendapatan/ Income Protection
17. Baca Polisi Medical Card Anda

TIP RM 12 Fungsi Takaful

Apabila melanggan takaful, fokus kepada COVERAGE, bukan SIMPANAN.

Sebab, nanti kalau Tuan-Puan ditimpa musibah, takkan tanya soalan;

"En Ejen, saya kemalangan, berapa simpanan takaful saya sekarang?".

Atau pun, waris Tuan-Puan akan tanya soalan;

"En Ejen, suami saya meninggal dunia, polisi takaful suami boleh keluar duit 3 tahun sekali tak?"

Situasi Lain

“Encik, kalau saya ambil takaful ini dan kemudian tak berlaku apa-apa, bagaimana?

Katakanlah, saya masih hidup dan sihat sejahtera sampai tempoh matang. Boleh dapat balik tak duit caruman saya?”

“Errr… Polisi ini sampai umur 100 tahun. Kalau Encik yakin tak mati dan tak sakit sampai umur 100 tahun, Encik tak payah ambil polisi takaful ini pun tidak mengapa.

Takpalah, saya jumpa orang lain. Sebab setahu saya, yang tak mati dan tak sakit hanyalah …..”

(Tak sempat habiskan ayat)

“Ok, ok. Saya insaf. Kat mana nak sign?”

TIP RM 13 Medical Card 3 Dalam 1?

"Tuan, saya dan famili sudah ada medical card 3 dalam 1. Sekali dengan simpanan dan pelaburan. Kami bayar kira-kira RM1,000 sebulan sekeluarga. Mohon Tuan review polisi kami"

Saya pun membelek-belek polisi-polisi mereka, lalu bertanya "Bagaimana Puan tahu ia ada simpanan dan pelaburan?".

Jawabnya "Ejen yang beritahu".

"Puan bayar sebanyak RM1,000 sebulan, selama 5 tahun. Agak-agak berapa simpanan dan pelaburan yang ada sekarang?", saya bertanya.

Dia mencongak-congak "Mesti banyak, mungkin lebih daripada separuh".

"Puan, polisi medical card Puan memang ada simpanan dan pelaburan TAPI SANGAT-SANGAT-SANGAT sedikit. Berdasarkan kiraan saya daripada maklumat dalam polisi ini, tidak sampai separuh caruman pun nilai tunai yang ada".

"Eh, takkanlah!", beliau tidak percaya. Nampak terkejut.

"Tidak mengapa Puan. Puan boleh hubungi syarikat takaful Puan dan tanyakan nilai tunai polisi-polisi Puan. Kemudian maklumkan kepada saya supaya mudah untuk kita review sama-sama", saya memberi cadangan.

Selepas seminggu, saya menerima mesej di whatsapp;

"Salam Tuan, dah dapat "

"Dah dapat?", balas saya. Dengan ikon "kesedihan" yang dihantar , saya sudah jangkakan sesuatu.

"Huhu.... Rasa nak pengsan", balas beliau sambil sertakan nilai tunai polisi-polisi beliau suami-isteri dan anak-anak yang beliau perolehi.

Saya membaca satu persatu. Melebihi apa yang saya jangkakan; ada polisi yang nilai tunainya RM200, ada yang RM100 ada yang RM70 malah yang paling mengejuntukan ada yang RM0 nilai tunainya!

"Macamana?"

"Puan istikharah".

Moral cerita:

1. Fungsi takaful adalah untuk PERLINDUNGAN KEWANGAN, bukan untuk SIMPANAN, apatah lagi PELABURAN. Jangan terus percaya bulat-bulat cakap ejen. Lakukan due diligence.

2. Selain maklumat lisan dari ejen, semak kembali polisi takaful yang anda sertai supaya maklumat di dalam polisi sama dengan apa yang diceritakan. Pasti tidak ada dalam polisi tercatat "Medical Card 3 Dalam 1".

3. Sebelum sertai, pastikan semak juga maklumat produk dengan dapatkan "Product Disclosure Sheet" atau PDS daripada ejen atau dari website syarikat. Di PDS juga tidak ada tercatat "Medical Card 3 Dalam 1".

4. Semak dan review polisi anda 2-3 tahun sekali supaya anda mendapat maklumat up to date.

5. Jangan terus percaya cerita saya 100%. Jika Tuan-Puan sudah mengambil polisi sebagaimana di atas, masih ada masa untuk hubungi syarikat takaful Tuan-Tuan untuk semak dan review cash value polisi anda.

TIP RM 14 Memilih Polisi Yang Betul

“Afyan, awak masih dengan takaful?”, tanya seorang rakan selepas tamat satu program. Saya jarang-jarang sekali bertemunya.

“Ya,” jawab saya ringkas.

“Saya ingin mengambil takaful untuk anak saya yang baru lahir”, katanya.

“Oh, awak sudah dapat anak? Tahniah!” kata saya sambil menghulurkan tangan kepadanya, dan tersenyum.

Tersenyum kerana Allah mengurniakannya cahaya mata.

Tersenyum kerana Allah menggerakkan hatinya untuk menyertai takaful.

Tersenyum kerana Allah membuka pintu rezeki-Nya kepada saya apabila Dia menggerakkan hati kawan saya untuk memilih saya untuk mengambil polisi takaful.

“Awak ingin mengambil takaful untuk anak awak?”, tanya saya untuk mendapat kepastian.

“Ya, takaful pendidikan”, katanya penuh yakin.

“Awak sendiri sudah memiliki polisi takaful?”, tanya saya lagak seorang doktor yang menganalisis pesakitnya terlebih dahulu sebelum memberikan “ubat” yang sesuai.

“Errr… belum lagi.”, jawabnya.

“Jika begitu, awak perlu mengambil polisi takaful untuk diri awak terlebih dahulu sebelum perkara yang sama dilakukan ke atas anak awak”, kata saya, mencadangkan “ubat” yang sesuai kepadanya.

“Kenapa perlu begitu? Saya ingin mengambil polisi takaful pendidikan untuk anak saya untuk menjamin simpanannya ke universiti sekiranya berlaku musibah ke atas saya”, katanya menolak “ubat” yang saya cadangkan.

Daripada kata-katanya, saya mengagak dia memiliki sedikit sebanyak pengetahuan tentang takaful pendidikan sebelum mendatangi saya.

PADAH MENGAMBIL "UBAT" YANG SILAP

Kadang-kadang saya menghadapi situasi begini; iaitu seorang ayah yang tidak memiliki sebarang polisi takaful, bersungguh-sungguh ingin mengambil polisi takaful untuk anaknya.

Pernah saya dikhabarkan sebuah cerita tentang seorang lelaki meninggal dunia, meninggalkan balu dan beberapa orang anak. Lelaki tersebut pernah mengambil polisi insurans ketika hayatnya, tetapi polisi yang diambilnya adalah polisi insurans pendidikan untuk anaknya.

Sekali imbas, seolah-olah tiada masalah yang timbul kerana beliau telah mengambil polisi insurans. Sebenarnya di sinilah masalah telah timbul kerana polisi yang diambilnya adalah polisi untuk anak-anaknya bukan untuk dirinya sendiri.

Rata-rata plan insurans dan takaful pendidikan lebih menumpukan perlindungan yang berbentuk “manfaat pengecualian caruman pembayar”. Manfaat ini bermaksud; apabila pembayar polisi iaitu ayah atau ibu ditimpa musibah (sakit kritikal, lumpuh atau meninggal dunia), caruman bulanan yang sepatutnya dibayar akan dikecualikan.

Maka dalam cerita di atas, manfaat yang diperolehi oleh keluarga si mati hanyalah manfaat pengecualian caruman sahaja! Sekiranya dia memiliki 3 orang anak (saya tidak ingat jumlah sebenar anak si mati), dengan polisi insurans dengan caruman RM 100 seorang, bermakna caruman berjumlah RM 300 untuk ketiga-tiga polisi akan dikecualikan.

Walhal, dengan caruman berjumlah RM 300 sekiranya dia ambil untuk dirinya sendiri, keluarga tersebut layak menerima pampasan kematian sekurang-kurang RM 300,000, malah lebih daripada itu sekiranya dia mengambil ketika muda lagi. Lebih malang lagi, anak-anaknya kesemuanya masih bersekolah rendah dan tempoh matangnya masih jauh.

Dalam hal ini, kesalahan tidak patut diletakkan ke atas bahu beliau, kerana beliau menerima nasihat daripada seorang ejen. Di dalam kes ini, beliau telah mengambil “ubat” yang salah. Salah dia yang membeli “ubat” atau salah doktor yang memberi “ubat”? Wallahua’lam…

FIRST THING FIRST

Di dalam satu keluarga, suami atau ayah adalah orang yang pertama perlu dilindungi takaful, kerana dia merupakan “breadwinner” di dalam keluarga.

(Nota: Tolong jangan terjemahkan “breadwinner” kepada bahasa Melayu. Ia bukan bermaksud pemenang roti atau apa-apa jenama roti)

“Breadwinner” merujuk kepada orang yang bertanggungjawab memberi nafkah untuk keluarga. Apabila sesuatu musibah berlaku ke atas diri “breadwinner” ini, maka ia akan menjejaskan pendapatan dan perbelanjaan seisi keluarga.

Dalam sesebuah keluarga, “breadwinner” ini selalunya suami atau ayah. Dalam zaman sekarang, suami dan isteri selalunya bekerjasama menyediakan pendapatan dan perbelanjaan keluarga.

Jadi dalam situasi ini, suami menjadi orang yang pertama perlu dilindungi takaful, kemudian jatuh kepada isterinya pula. Selepas mengambil polisi untuk dirinya dan isteri dahulu, barulah keperluan takaful kepada anak-anak datang kemudian pada proioriti ke-3 selepas suami dan isteri. Itupun sekiranya, si suami memiliki seorang isteri, jika lebih keperluan takaful untuk anak-anak mungkin menjadi prioriti ke-6! ?

“Jadi, jika begitu saya ingin mengambil polisi untuk saya adan isteri sayalah”, kata kawan saya tadi selepas panjang lebar saya menerangkan kepadanya.

Alhamdulillah, Allah permudahkan urusan saya dan beliau.

TIP RM 15 Takaful Medical Card vs Takaful Penyakit Kritikal

Kedua-duanya adalah saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain, dengan fungsi berbeza-beza.

Medical card atau kad perubatan fungsinya adalah untuk membantu membayar kos perubatan apabila dimasukkan ke dalam hospital.

Manakala takaful penyakit kritikal pula adalah untuk memberi TUNAI apabila ditimpa musibah penyakit kritikal.

“Saya sudah ada medical card RM 1.5 juta.”

Kata seorang pelanggan “”Saya sudah ada medical card RM 1.5 juta, jadi saya sudah tidak perlukan lagi takaful penyakit kritikal.

Saya tanyakan balik “Kalau Tuan ditimpa penyakit kritikal, berapa takafulTuan dapat membantu?”

“RM 1.5 juta”, katanya penuh keyakinan.

“Tuan, sebenarnya RM 1.5 juta itu adalah maksima pembayaran kos rawatan hospital yang akan dibayar daripada syarikat takaful kepada hospital, bukan kepada peserta”, jelas saya.

“Maksudnya?”, dia inginkan kepastian.

“Maksudnya, RM1.5 juta adalah untuk hospital sebagai kos bayaran rawatan, bukan kepada Tuan selaku peserta”.

“Begini situasinya, contohnya sekiranya Tuan ditimpa penyakit kritikal seperti kanser, strok dan sebagainya, kos rawatan sepanjang Tuan ditimpa penyakit itu akan dibayar oleh medical card yang Tuan ambil.

“Apabila ditimpa penyakit kritikal, adakah Tuan masih mampu bekerja?”, saya membuat sedikit huraian dan bertanya soalan.

Dia menggeleng kepala.

“Ya, sudah tentu tidak. Syarikat yang tuan bekerja sekarang sudah tentu tidak lagi menerima Tuan sebagai pekerja lagi. Jadi pada waktu itu sudah tentu Tuan tidak dapat lagi bekerja”.

“Pada waktu inilah takaful penyakit kritikal akan berfungsi untuk memberi penggantian pendapatan”.

“Jadi, di samping memiliki takaful perubatan medical card ini, Tuan perlu juga memiliki takaful penyakit kritikal, sekurang-kurangnya bersamaan dengan pendapatan Tuan setahun -3 tahun”.

Saya mengakhiri penerangan saya dan bersedia untuk soal jawab.

Beliau nampak positif.

TIP RM 16 Takaful Sebagai Pengganti Pendapatan/ Income Protection

Apabila melanggan produk takaful, perlu fokus kepada fungsi utama takaful sebagai perlindungan kewangan sekiranya berlaku malapetaka kewangan.

3 perkara yang menjadi MALAPETAKA KEWANGAN / FINANCIAL DISASTER adalah kematian, lumpuh dan sakit kritikal.

3 perkara di atas, sekiranya berlaku dalam kehidupan seseorang boleh menyebabkan malapetaka kewangan atau 'financial disaster'.

Kenapa saya katakan sedemikian rupa?

Kerana, jika berlaku salah satu daripada musibah di atas, seseorang akan tidak dapat lagi meneruskan pekerjaan.

Apabila tiada lagi pekerjaan, maka pendapatan pun akan terhenti,

Dalam keadaan tiada pekerjaan dan pendapatan, dia masih lagi perlu teruskan kehidupan atau dalam kes kematian; isteri, anak-anak dan keluarga masih perlu meneruskan kehidupan.

Bayangkan, bagaimana dia dan/atau keluarga perlu teruskan kehidupan dengan mengekalkan perbelanjaan seperti rumah, makan minum, pakaian, sekolah, kenderaan dan sebagainya – dalam keadaan tiada pendapatan dan pekerjaan.

Sekiranya berlaku musibah tersebut, ia akan menyebabkan financial disaster atau malapetaka kemalangan.

Jadi, apakah solusinya?

Solusinya ialah menggunakan plan takaful yang menyediakan jumlah coverage yang menyediakan pampasan yang boleh menggantikan pendapatan pemiliknya sekiranya berlaku salah satu daripada 3 perkara di atas.

Bagaimana utk mengekalkan pendapatan RM5,000 sebulan / RM60,000 setahun jika berlaku MALAPETAKA KEWANGAN tadi?

Contoh kes:

Sebagai contoh, seseorang yang berusia 30 tahun, dengan pendapatan 5,000 sebulan.

Berikut adalah cara pengiraaan income protection / penggantian pendapatan;

Gaji tahunan = RM5,000 x 12 bulan = RM60,000

Ada dua cara untuk mengira jumlah coverage yang diperlukan;

1) Capital Liquidation Method (Cara Pencairan Modal)

2) Capital Intact Method atau Capital Conservation Method (Cara Pengekalan Modal)

Kaedah pertama ialah Capital Liquidation Method (Cara Pencairan Modal), dengan cara berikut:

Dengan kaedah ini, jumlah coverage yang diperlukan adalah bersamaan dengan 10 tahun pendapatan seseorang.

Dalam kes di atas, jumlah coverage minima yang diperlukan ialah RM600,000 atau bersamaan dengan 10 tahun gaji.

Kenapa 10 tahun gaji? Sebabnya, supaya coverage tersebut dapat menggantikan pendapatan pemegang polisi selama 10 tahun. Jadi ada masa 10 tahun sekiranya berlaku musibah kematian atau lumpuh kepada pemegang polisi, untuk dia atau / dan keluarganya menerima pendapatan yang hilang akibat kematian atau lumpuh.

Kaedah ini juga digunakan untuk kes-kes sakit kritikal, dengan jumlah perlindungan bagi penyakit kritikal bersamaan 3 hingga 5 tahun pendapatan seseorang.

Kaedah kedua pula dipanggil Capital Intact Method atau Capital Conservation Method (Cara Pengekalan Modal).

Kaedah ini, memerlukan pengiraan berdasarkan "passive income" atau pendapatan pasif yang perlu dihasilkan sekiranya berlaku kematian atau lumpuh.

Pasif income yang diperolehi adalah berdasarkan ROI yang paling mudah diperolehi, jika dalam konteks Malaysia adalah ASB atau Tabung Haji yang boleh memberi pulangan sebanyak 6% hingga 8%.

Berdasarkan sampel kes di atas, untuk mendapatkan pulangan dengan ROI 6% yang menyamai RM60,000 setahun adalah RM1,000,000. Ini bermakna, wang sebanyak RM1 juta diperlukan untuk diletakkan dalam Tabung Haji atau ASB untuk menjana pendapatan pasif / passive income sebanyak RM60,000 setiap tahun.

Jadi, melalui kaedah ini, seseorang yang berpendapatan RM5,000 sebulan atau RM60,000 setahun memerlukan perlindungan pendapatan sebanyak RM1 juta supaya sekiranya beraku kematian atau lumpuh, wang pampasan Rm1 juta tadi dapat digunakan untuk menghasilkan pendapatan pasif yang bersamaan pendapatan bulanannya yang hilang akibat kematian atau lumpuh.

Kelebihan kaedah kaedah yang kedua ialah; wang pampasan tidak akan menyusut kerana wang yang diambil hanyalah wang keuntungan sahaja.

Cara 2

Mempunyai RM1 JUTA, dilaburkan ROI 6% setahun

Menerima RM60,000 setiap tahun secara pasif

*Kaedah ini dipanggil **CAPITAL INTACT** atau **PENGEKALAN MODAL.** Wang TIDAK menyusut

infaQ CONSULTANCY SDN BHD
"Plan Your Wealth, Change Your Life"

/INFAQ.my

APAKAH SOLUSINYA?

Untuk menyediakan dana kecemasan sebagai INCOME PROTECTION PLAN atau PLAN PENGGANTIAN PENDAPATAN INI, hanya perlu memperuntukkan 10% sahaja daripada jumlah pendapatan utk plan ini.



Dalam contoh kes di atas, beliau hanya perlu peruntukkan RM500 maksima setiap bulan utk melanggan takaful bagi tujuan ini.

Sebagai contoh, ini contoh illustrasi dengan hanya RM400 sebulan yakni kurang 10% daripada jumlah tadi utk perlindungan;

Kematian RM1,000,000

Lumpuh RM1,000,000

Sakit Kritikal RM300,000

Waiver – sumbangan percuma apabila disahkan penyakit kritikal.

TIP RM 17 Baca Polisi Medical Card Anda

Apabila menerima polisi takaful, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian di dalam polisi:

1. KADAR SUMBANGAN, ia akan meningkat dalam tempoh tertentu. Setakat ini belum ada medical card yang kadar bayarannya tetap. Ini kerana kos perubatan sentiasa meningkat.

2. KO-TAKAFUL, bayaran yang perlu dibayar oleh pelanggan sekiranya dimasukkan ke hospital. Mungkin ada, mungkin tiada.

3. KO-PAYMENT, bayaran yang perlu dibayar sekiranya pelanggan upgrade bilik ke bilik yang melebihi kadar medical card. Jangan terkeliru dengan Ko-Takaful, Dua istilah berbeza.

4. LIMIT TAHUN - ini adalah jumlah yang boleh pelanggan claim setiap tahun. Ini adalah jumlah limit yang penting untuk diketahui.

5. LIMIT SEMUA HIDUP atau Lifetime Limit. Jumlah ini memang nampak tinggi, ada yang RM1 juta, ada yang RM2 juta malah ada yang unlimited. Tapi ketahuilah bahawa ia hanya "gimik", kerana belum pernah berlaku lagi pelanggan yang tidak cukup had limit seumur hidup. Tapi ramai yang terpaksa bayar sendiri apabila sudah claim melebihi had limit tahunan. Jadi fokus kepada annual limit, bukan lifetime limit.

6. FASAL PENGECUALIAN. Ini perkara yang AMAT PENTING dalam apa jua polisi takaful. Cari perkara ini dalam polisi dan baca situasi-situasi yang pelanggan tidak layak untuk claim jika dimasukkan ke hospital. Setiap polisi syarikat mempunyai klausa berbeza-beza antara satu sama lain.

7. TEMPOH MENUNGGU, ini adalah tempoh permulaan polisi berkuat kuasa sepenuhnya. Ia mungkin 30 hari hingga 120 hari.

8. TEMPOH MENUNGGGU PENYAKIT KHUSUS. Ada beberapa penyakit khusus yang mempunyai tempoh menunggu lebih panjang sehingga 120 hari.

9. KLAUSA PENGUBAHAN POLISI. Ini juga maklumat penting yang perlu diketahui yakni syarikat berhak membuat perubahan terhadap polisi TANPA persetujuan pelanggan. Hanya sekadar notis dalam tempoh tertentu untuk menjadikan terma dan syarat polisi berubah mengikut kehendak syarikat.

10. THIRD PARTY ADMINISTRATION (TPA). Ada ejen takaful yang memburukkan syarikat lain dengan "fakta" bahawa third-party administration seperti polisi third-party kenderaan. Ia adalah auta bukan fakta, sebab TPA medical card adalah merujuk kepada syarikat operator yang menguruskan GL dan urusan kemasukan wad yang tertakluk di bawah Bank Negara. Langsung tiada kena mengena dengan istilah third-party dalam insurans kenderaan.

Ada lagi perkara-perkara lain, tak sempat saya masukkan semua. Ini adalah berdasarkan persoalan yang selalu dikemukakan kepada saya. Jika ada lain, boleh berikan komen.

Pendek kata SEMUA maklumat dalam polisi dari muka hadapan hingga muka surat terakhir adalah PENTING. Baca SEMUA, jika tidak faham terus tanyakan ejen anda. Mereka dibayar komisen dari caruman anda untuk memberi maklumat-maklumat penting kepada anda, bukan sekadar memberi diari dan kad raya.

PERINGATAN PENTING: Syarikat takaful / insurans adalah entiti bisnes, bukan badan kebajikan. Syarikat dan ejen mempromosi medical card dengan berorientasikan keuntungan.

PERLABURAN / INVESTMENT

18. Memulakan Pelaburan Pertama
19. Panduan Pelaburan Amanah Saham
20. Pelaburan Dan Kepelbagaian
21. Plan Persaraan; Cara Pengiraan
22. Emas Sebagai Penyimpan Nilai?
23. Bank Konvensional Vs Bank Islam

TIP RM 18 Memulakan Pelaburan Pertama

1. Pastikan CASHFLOW positif. Lebihkan bahagian SURPLUS.

2. Minima SURPLUS sebaiknya 30%. Kenapa 30%? Ia untuk:-

   a. 10% untuk SIMPANAN

   b. 10% untuk PERLINDUNGAN

   c. 10% untuk PELABURAN

3. Untuk permulaan, 20% peruntukkan SIMPANAN DAN PELABURAN digabungkan sekali menjadi 20% SIMPANAN.

4. Peruntukkan 10% untuk PERLINDUNGAN, fokus kepada INCOME PROTECTION, (menyamai 10 tahun gaji) dan MEDICAL CARD.

5. Kenapa perlu INCOME PROTECTION dan MEDICAL CARD? Supaya, INCOME, aset SIMPANAN dan PELABURAN tidak terjejas jika berlaku musibah (3D - Death, Disabled dan Disease).

6. Sambungan dari no 4, lakukan SIMPANAN sehingga sehingga dapat mengumpulkan 3 BULAN INCOME. Gunakan Tabung Haji sebagai instrumen dengan pulangan 6% setahun, maka ia memakan masa kira-kira 30 bulan untuk mengumpulkan sasaran 3 BULAN INCOME tadi.

7. Dalam tempoh 30 bulan atau 2 tahun setengah itu, mulakan PELABURAN ILMU. Beli buku, datang seminar dan berguru tentang pelaburan. Jika SIMPANAN sebanyak 30% INCOME, sasaran tersebut akan capai dlm masa tidak sampai 24 bulan atau kurang 2 tahun.

8. Kenapa perlu SIMPANAN 3 BULAN? Supaya kita tidak melabur dengan emosi. Dan ia sebagai RESERVE FUND untuk situasi yang tidak dicover TAKAFUL, seperti kereta rosak, paip bocor, duit hilang dll

9. Selepas tempoh 30 bulan tamat, teruskan peruntukkan 20% tadi untuk PELABURAN.

10. Boleh mulakan dengan PELABURAN TUNAI seperti SAHAM dan SAHAM AMANAH.

11. Modal + keuntungan daripada PELABURAN TUNAI dapat digunakan untuk PELABURAN HARTANAH.

12. Kenapa PELABURAN HARTANAH? Paling kurang, rumah dapat kita diami kelak. Tidak kisah rumah kecil, asalkan ia rumah, sama ada flat, apartment atau teres.

13. PELABURAN yang baik mempunyai ciri:

a. INCOME Distribution, dan

b. CAPITAL appreciation.

TIP RM 19

Panduan Pelaburan Amanah Saham

Ini adalah jadual Lipper yang dikeluarkan oleh akhbar The Edge, keluaran 11 Januari 2016 yang dikenali sebagai "Lipper Leader Fund Ratings" atau "Lipper Table".

THEEDGE / LIPPER FUND TABLE

IN ASSOCIATION WITH FMUTM

HOW TO READ THE TABLE

1. Lipper Leader Fund Ratings

The Lipper Leader Fund ratings are subject to change every month and are based on an equal-weighted average of percentile ranks for Consistent Return, Preservation, Total Return and Expense metrics over three-year periods. The highest 20% of funds in each peer group are named Lipper Leaders, receive a score of 5, the next 20% receive a score of 4, the middle 20% are scored 3, the next 20% are scored 2, and the lowest 20% are scored 1. Lipper Leader Fund ratings are not intended to predict future results, and Lipper does not guarantee the accuracy of this information. More information is available at www.lipperweb.com.

Total Return: The Lipper Leader Fund ratings for Total Return reflect funds' historical total return performance relative to peers.

Consistent Return: The Lipper Leader Fund ratings for Consistent Return reflect funds' historical risk-adjusted returns, adjusted for volatility, relative to peers.

Preservation: The Lipper Leader Fund ratings for Preservation reflect funds' historical loss avoidance relative other funds within the same asset class. Preservation ratings are relative, rather than absolute, measures, and funds named Lipper Leaders for Preservation may still experience losses periodically; those losses may be larger for equity and mixed equity funds than for fixed income funds.

Expense: The Lipper Leader Fund ratings for Expense reflect funds' expense minimization relative to peers with similar load structures. Scores for Expense are computed for all Lipper classifications with five or more distinct portfolios and span both equity and fixed-income funds.

2. Fund Size: It is updated based on the latest data provided by fund promoters, calculated in MYR.

3. Volatility: Standard deviation of performance for the previous 36 months. The higher the value is, the riskier the fund is.

4. Return: NAV-to-NAV or Bid-to-Bid, income re-invested, calculated in MYR.

5. Some NAVs are not reported at the same time intervals. The latest price available provided by the fund promoters is used for performance calculations.

DISCLAIMER

© Thomson Reuters 2012. All Rights Reserved. The Content in this publication is for informational purposes only, and does not constitute investment advice or an offer to sell or the solicitation of an offer to buy any security of any entity in any jurisdiction."&" No guarantee is made that the information on this publication is accurate or complete and no warranties are made with regard to the results to be obtained from its use."&" In addition, Lipper will not be liable for any loss or damage resulting from information obtained from Lipper or any of its affiliates.

NAME	LIPPERLEADER FUND RATINGS: TOTAL RETURN 30/11/15	CONSISTENT RETURN 30/11/15	PRESERVATION 30/11/15	FUND SIZE MM	RETURN %: 3 MONTH 1/10/15-1/1/16	RANK	6 MONTHS 1/7/15-1/1/16	RANK	1 YEAR 1/1/15-1/1/16	RANK	3 YEARS 1/1/13-1/1/16	RANK	5 YEARS 31/12/10-1/1/16	RANK
EQUITY MALAYSIA														
ISLAMIC														
PMB SHARIAH AGGRESSIVE	LEADER	LEADER	1	44.65	15.03	1	13.08	1	41.26	1	92.42	1	111.62	1
PMB SHARIAH GROWTH	LEADER	LEADER	1	21.92	13.43	2	6.81	4	30.54	2	55.6	2	81.48	3
RHB DANA ISLAM	LEADER	4	1	6.17	9.98	4	6.05	9	25.01	3	34.8	4	59.61	7
MIDF AMANAH ISLAMIC	4	3	2	7.83	10.86	3	6.63	6	19.73	4	33	5	-3.91	45
PMB SHARIAH PREMIER	3	2	4	45.17	9.87	5	8.98	2	16.08	5	22.19	29	42.51	17
MANULIFE SHARIAH-DANA EKUITI	N/A	N/A	N/A	17.36	9.01	8	7.39	3	15.48	6				
PMB DANA BESTARI	2	2	2	10.11	7.58	11	4.4	18	14.87	7	13.36	39	17.82	38
PMB DANA MUTIARA	2	2	2	6.92	9.79	6	6.67	5	13.11	8	16.35	33	9.48	41
HONG LEONG DANA MAKMUR	4	3	3	10.48	3.27	55	1.54	41	13.09	9	24.09	22	36.75	23
TA ISLAMIC	3	1	2	74.51	5	32	6.04	10	11.48	10	8.11	45	8.76	42
CIMB ISLAMIC AL-AZZAM EQUITY	LEADER	LEADER	3	25.02	6.66	16	5.73	12	11.08	11	30.22	7		
EASTSPRING INVESTMENTS DANA AL-ILHAM	LEADER	LEADER	4	392.99	7.24	12	4.37	20	10.67	12	46.27	3	87.34	2
AMANAHRAYA ISLAMIC EQUITY	3	3	3	48.4	9.13	7	6.14	7	9.96	13	18.58	30	32.13	31
APEX DANA AL-SOFI-I	4	4	4	77.14	4.32	40	-0.42	46	9.9	14	27.98	13	37.78	23
PMB DANA AL-AIMAN	2	1	4	52.62	9	9	4.52	17	9.62	15	12.56	41	26.77	34
KENANGA SYARIAH GROWTH	LEADER	LEADER	4	199.31	4.71	34	2.65	33	9.49	16	30.36	6	70.94	4
KENANGA DINEPRS SHARIAH EQUITY	N/A	N/A	N/A	0.59	4.46	38	2.48	35	9.03	17				
MANULIFE INVESTMENT AL-FAID	4	3	3	209.91	6.09	19	4.89	13	9.02	18	26.8	16	38.29	21
CIMB ISLAMIC DALI EQUITY	LEADER	4	LEADER	591.24	3.63	50	3.67	22	8.91	19	28	12	44.81	14
AMISLAMIC GROWTH	LEADER	LEADER	3	19.67	6.17	18	3.15	29	8.7	20	30	8	54.65	8
PB ISLAMIC EQUITY	4	4	4	809.73	6.02	20	6.09	8	8.68	21	25.34	19	42.58	16
KENANGA QA INV-KENANGA SHARIAH GROWTH OPPS	LEADER	LEADER	2	9.88	4.89	33	3.11	30	8.04	22	26.61	17	49.42	11
KENANGA ISLAMIC	4	LEADER	3	53.87	4.63	35	2.31	36	7.97	23	26.96	15	55.95	6
CIMB ISLAMIC EQUITY AGGRESSIVE	LEADER	LEADER	3	102.48	6.24	17	4.73	15	7.94	24	29.51	9	40.49	18
PUBLIC ITTIKAL SEQUEL	4	LEADER	LEADER	1655.62	4.49	36	3.25	28	7.4	25	28.55	10		
APEX DANA AL-FAIZ-I	4	4	LEADER	55.83	3.57	51	-0.82	50	6.86	26	26.04	18	45.51	13
KENANGA QA INV-KENANGA EKUITI ISLAM	3	4	3	8.08	5.55	25	3.85	21	6.8	27	19.48	29	33.15	29
PMB SHARIAH INDEX	2	2	3	15.14	6.95	15	3.41	26	6.03	28	12.61	40	28.92	33
CIMB ISLAMIC DALI EQUITY GROWTH	4	4	4	4812.08	5.16	29	3.34	27	5.5	29	24.93	20	54.18	9
CIMB ISLAMIC DALI EQUITY THEME	4	4	3	1462	5.97	21	3.24	30	5.27	30	27.36	14	48.19	12
PUBLIC ISLAMIC ALPHA-40 GROWTH	3	3	4	248.19	4.04	47	2.1	39	4.94	31	15.52	35	38.17	22
CIMB ISLAMIC PRS PLUS EQUITY A	3	3	2	41.33	5.1	30	4.85	14	4.92	32	23.05	24		
MYETF DOW JONES ISLAMIC MARKET MALAYSIA TITANS 25	2	2	3	294.48	7.08	13	5.82	11	4.69	33	12.19	42	39.6	20
AMITTIKAL	4	4	3	226.97	5.86	22	3.49	24	4.46	34	22.07	26	43.95	15
PUBLIC ISLAMIC EQUITY	3	3	LEADER	2314.56	5.41	27	3.88	19	4.36	35	17.01	32	40.44	19
AMB DANA YAKIN	3	3	2	41.64	7.71	10	2.12	37	4.36	36	17.47	31	37.7	24
AFFIN HWANG AIMAN GROWTH	4	4	3	338.8	4.13	44	0.22	44	4.26	37	28.2	11	56.53	5
KAF DANA ADIB	3	3	3	41.68	4.31	41	-0.43	47	3.83	38	20.39	28	30.29	32
AFFIN HWANG AIMAN PRS SHARIAH GROWTH	4	4	3	23.07	3.92	48	0	45	3.83	39	24.44	21		
MANULIFE INVESTMENT SYARIAH INDEX	3	3	3	81.23	7.08	14	3.54	23	3.01	40	13.52	38	35.73	26
PUBLIC ISLAMIC OPTIMAL GROWTH	3	3	4	1441.29	5.01	31	3.05	31	2.94	41	16.11	34	33.36	28
PUBLIC ISLAMIC SELECT ENTERPRISES	3	3	4	2906.51	4.44	39	2.57	34	1.95	42	14.89	36	49.57	10
TABUNG AMANAH SAHAM KEDAH	1	1	3	30.48	3.28	54	-0.7	49	1.91	43	8.69	44	22.98	36
PUBLIC ISLAMIC SECTOR SELECT	3	3	4	2164.27	4.1	45	1.75	40	1.71	44	14.69	37	32.94	30
PUBLIC ITTIKAL	4	4	LEADER	4854.5	3.51	52	2.91	32	1.54	45	21.26	27	35.57	27
AMANAH SAHAM DARUL IMAN	1	1	1	154.29	5.56	24	1.42	42	1.24	46	-6.15	50	-5.58	46
TA DANA FOKUS	1	1	1	16.35	4.14	43	-1.3	51	0.99	47	-1.86	47	-0.63	44
PACIFIC DANA AMAN	2	2	2	270.91	5.39	28	1.16	43	0.49	48	11.84	43	18.97	37
ABERDEEN ISLAMIC MALAYSIA EQUITY A	N/A	N/A	N/A	2.72	1.26	57	-2.45	53	0.36	49				
LIBRA AMANAH SAHAM WANITA	4	4	2	57.81	5.54	26	-2.62	54	0.25	50	23.37	23	23.68	35
BSN DANA AL-JADID	1	1	1	50.71	2.62	56	-1.88	52	-0.24	51	-1.94	48	6.6	43
AFFIN HWANG AIIMAN EQUITY	3	3	3	92.6	3.34	53	-0.61	48	-1.2	52	5.58	46	15.16	39
MAYBANK MALAYSIA EQUITY-I	N/A	N/A	N/A	9.33	6.47	17	-3.49	55	-3.96	53				
BIMB I GROWTH	1	1	1	37.74	5.8	23	-6.29	56	-6.54	54	-2.7	49	13.67	40
AMB SHARIAH VALUE PLUS A-MYR	N/A	N/A	N/A	6.37	4.06	46	3.48	25						
PUBLIC ISLAMIC ADVANTAGE GROWTH EQUITY	N/A	N/A	N/A	14.77	3.48	49								
PUBLIC ISLAMIC ENTERPRISES EQUITY	N/A	N/A	N/A	58.16	4.26	42	4.56	16						
ISLAMIC AVERAGE(57)				**467.79**	**5.86**	**57**	**2.92**	**56**	**7.62**	**54**	**21.91**	**50**	**37.38**	**46**
EQUITY MALAYSIA AVERAGE(121)														

Ia memaparkan pretasi dana sehingag 31 Disember 2015, untuk tempoh;-

- 3 bulan
- 6 bulan
- 12 bulan
- 3 tahun
- 5 tahun

Jadual ini dijadikan rujukan untuk membuat penilaian sesuatu dana saham-saham amanah yang diurusniaga di Malaysia. Sampel gambar ialah senarai saham amanah patuh kategori ekuiti.

Dalam jadual ini juga, Lipper meletakkan rating-rating tertentu utk setiap dana, paling tinggi diberi rating LEADER dan paling rendah diletakkan rating 1.

Rating-rating ini sebagai panduan utk pengguna / pelabur memilih dana-dana yg sesuai dengan profile risiko mereka.

Rating yang diberikan oleh Lipper ada 3;

1. TOTAL RETURN:

Jumlah pulangan pelaburan dana dari awal ia dipasarkan sehingga tarikh terkini.

Rating tinggi memberi maksud dana-dana tersebut memberi pulangan yang lebih tinggi berbanding rating rendah.

2. CONSISTENT RETURN:

Pulangan secara konsisten dari awal ia dipasarkan hingga terkini.

Dana-dana yang memberi pulangan secara konsisten setiap tahun diberikan rating yang lebih tinggi.

3. PRESERVATION:

Ini aspek penting dalam pelaburan, bukan sekadar pelaburan saham amanah.

Ini ialah penilaian terhadap dana-dana yang mampu berhadapan dengan keadaan ekonomi yang tidak dijangka.

Pada musim ekonomi stabil, kebanyakan dana dapat berikan pulangan yang baik, tapi pada musim ekonomi gawat bukan semua dana dapat berikan pulangan yang memberangsangkan.

Jadi rating yang tinggi pada "preservation" menunjukkan dana-dana yang sudah terbukti dan teruji mampu memberinpulangan ketika tekanan ekonomi ketiga gawat.

Dana yang lemah dari aspek ini diberikan rating yang corot no 1.

Rating terbaik digredkan mengikut urutan 1 yang paling lemah atau corot hingga maksima 5 atau LEADER sebagai yang paling baik.

Jadi, apabila membuat pelaburan dalam amanah saham, boleh gunakan panduan yang diberikan oleh Lipper ini.

Sebaiknya pilih yang mempunyai rating tinggi, sama ada 4 atau LEADER untuk ketiga-tiga ciri.

NOTA PENTING: Perhatikan, ada juga kolum menunjukkan saiz dana. Ia tidak memberi implikasi langsung terhadap prestasi dana.

TIP RM 20 Pelaburan Dan Kepelbagaian

Satu konsep dalam pelaburan, ialah "diversified" yakni kepelbagaian.

Kenapa perlu kepelbagaian?

Kerana, kata pepatah "don't put all your eggs in one basket".

Dalam pelaburan saham amanah, kepelbagaian dalam jual beli saham diuruskan oleh pengurus dana.

Dan kita sebagai pelabur, pun boleh melakukan kepelbagaian pelaburan dengan melabur dalam pelbagai dana dari pelbagai syarikat saham amanah yang ada di Malaysia.

Tahukah anda, ada berpuluh-puluh syarikat syarikat saham amanah amanah yang ada di Malaysia? Yang majoriti rakyat Malaysia tahu, hanya beberapa syarikat.

Jadi, dalam pelaburan saham amanah, kita selaku pelabur pun boleh melabur dalam banyak dana dari pelbagai syarikat saham amanah, sekaligus.

Antara 3 dana patuh syariah yang menunjukkan prestasi memberangsangkan dalam 5 dan 10 tahun pelaburan sekarang, ialah;

- Eastpring Dana Al Ilham

- PMB Syariah Aggressive

- Kenanga Syariah Growth

Ketiga-tiga dana di atas menunjukkan prestasi pulangan 70% hingga 100% dalam masa 5 tahun dengan purata sekitar 11% setahun hingga 14.5%. Tuan-Puan boleh sahkan dengan merujuk website my.morningstar atau Lipper Table dlm Majalah TheEdge.

Dengan menggunakan kaedah "diversity" dalam pelaburan saham amanah, pelabur boleh melabur dalam pelbagai dana serentak.

Tidak perlu taksub pada satu syarikat sebab dalam pelaburan, semua syarikat mempunyai peluang yang sama untuk mendapat nombor 1, dan mempunyai peluang yang sama juga untuk berada di kedudukan bawah.

Jadi, dengan melabur dalam pelbagai dana serentak, kita dapat mengurangkan risiko jika berlaku kejatuhan nilai pelaburan dalam satu-satu syarikat.

Itulah pentingnya prinsip;

"Don't put all egg at one basket".

Ketiga-tiga dana yang saya kongsikan di atas, berikan pulangan lebih tinggi dari ASB, Tabung Haji dan juga KWSP.

Jika kita mencari instrumen pelaburan, letakkan benchmark 8% setahun ke atas supaya ia dapat menandingi ASB dan Tabung Haji.

Jika sama sahaja dengan ASB dan Tabung Haji (atau kurang), lebih baik letak di ASB atau Tabung Haji sahaja - tiada caj, sah-sah dapat pulangan dan SAIZ DANA yang paling besar di Malaysia. Itupun jika anda pentingkan SAIZ DANA.

TIP RM 21

Plan Persaraan; Cara Pengiraan

Jika hari ini kos sara hidup RM3000 sebulan, kos tersebut akan menjadi RM9,940 pada 30 tahun akan datang. Unjuran kos tersebut dengan mengambil kira kadar kenaikan inflasi sebanyak 4%.

Jumlah ini akan lebih besar jika ia diunjurkan 5% atau 6% setahun.

Jika hari ini kita berusia 30 tahun, dan akan bersara pada umur 60 tahun (30 tahun akan datang), maka ini keperluan kewangan yang kita perlukan

Untuk bersara pada 30 tahun akan datang dan mengekalkan gaya hidup hari ini, selama 10 tahun selepas bersara, maka kita perlukan simpanan untuk plan persaraan;

RM9940 x 12 bulan x 10 tahun = RM1,192,800.00.

Ya, lebih RM1 juta!!!

Itu jika kos sara hidup kita hari ini RM3,000, dengan unjuran inflasi 4% setahun.

Bagaimana jika kos sara hidup kita lebih daripada RM3,000 sebulan?

Andaikan pula kos sara hidup kita RM5,000, dengan kiraan inflasi sebanyak 4% setahun, kos yang sama akan menjadi RM16,560 sebulan, bersamaan RM198,720 setahun!

Bermakna, untuk hidup dengan mengekalkan gaya hidup yang sama selepas bersara, katakan 10 tahun, maka kita perlukan RM198,720 x 10 tahun = RM1,987,200.

Ya, hampir RM2 juta untuk anda sediakan sebagai plan persaraan!



60% HABIS KWSP 3 TAHUN!



DARIPADA **100** ORANG PESARA

- **60** orang **habiskan KWSP selepas 3 tahun**
- **34** orang **bersara selesa**
- **5** orang **hidup mewah selepas bersara**
- **1** orang **pesara jutawan**

/INFAQ.my

infaQ CONSULTANCY SDN BHD

Kita ada beberapa pilihan;

Pertama: Memulakan perancangan plan persaraan dari sekarang, dan tidak keluarkan simpanan persaraan KWSP untuk tujuan lain.

Cara pertama ini memerlukan perancangan kewangan yang rapi bermula dari sekarang. Mulai sekarang perlu membuat simpanan dan pelaburan supaya dapat menyediakan wang dana persaraan melebihi RM 1 juta ke atas.

Ia supaya kita dapat hidup dengan selesa selepas bersara kelak. Sebenarnya bukan hendak seles sangat pun, kerana kita hanya mengekalkan gaya hidup yang sama tanpa perlu bergantung kepada orang lain.

Selain itu dengan perancangan ini juga, kita tidak perlu lagi membanting tulang bekerja dalam meniti usia emas.

Susah? Ya, untuk cara pertama ini agak sukar. Tapi jangan risau, ada beberapa cara lain, iaitu;-

Kedua: Terus bekerja selepas bersara, atau

Ketiga: Berdoa agar ada anak-anak menjaga kita selepas kita bersara, atau

Keempat: Berdoa agar rumah orang-orang tua masih wujud pada 30 tahun akan datang,

Kelima: Berdoa agar tidak hidup terlalu lama selepas bersara.

Mana pilihan idaman kalbu, atau ada pilihan lain?

Tepuk dompet, tanya selera. 🙂

pencarum memeriksa penyata terkini KWSP.

Usia 58 duit KWSP dah lesap

Ramai pesara terpaksa kembali bekerja akibat tiada perancangan

>>Oleh Noriah Idris

>Fiona Tahir

melindungi kekayaan.

■ BAJET

Sesiapa saja perlu merancang bagi memastikan segala-galanya berjalan lancar. Antara perkara yang perlu difikirkan adalah merancang bajet dengan sebaiknya misalnya apa yang patut didahulukan. Sikap suka menabung amat penting misalnya, sepanjang bekerja dulu anda seharusnya menabung 10 hingga 20 peratus daripada pendapatan bulanan (selain potongan KWSP) kerana ia membantu di saat bersara.

Jika anda masih ada hutang dengan bank dahulukan komitmen kereta atau rumah, pastikan anda sudah mengasingkan wang untuk membayar semua itu. Bahkan, jika anak-anak belum melangsaikan yuran atau keperluan pembelajaran, perbelanjaan untuk keperluan itu mesti diutamakan.

Guna kemudahan perubatan yang disediakan kerajaan seperti hospital besar dan klinik kesihatan dan elak menggunakan hospital swasta kerana kosnya mahal.

■ DISIPLIN

Pesara disaran mengurus wang KWSP dengan baik dan berdisiplin. Elak membelanjakan untuk kenduri kahwin anak-anak, sebaliknya anda digalakkan membuat wasiat.

habis ditambah pula tiada sumber pendapatan lain.

Berikutan itu, katanya, me-

WAJAH

Pekerja (KWSP) bagi

Dengan purata caruman RM114,000 pesara belanja RM475 sebulan

Miskin selepas pencen

EKSKLUSIF

Hidup melarat selepas bersara

Oleh Diyanah Anuar dan Nadia Hamid

bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Selepas bersara satu hingga 10 tahun, hampir 100 peratus pencarum yang mengeluarkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada usia 55 tahun tidak lagi mempunyai wang simpanan hingga ada antara mereka hidup merempat atau menjadi penghuni rumah orang tua.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Johari Abdul Muid, berkata akibat salah guna wang caruman itu, kira-kira 70 peratus pesara menghabiskan wang simpanan hari tua mereka antara tahun pertama hingga ke-10 selepas meninggalkan pekerjaan, manakala 30 peratus lagi hilang sumber kewangan selepas tiga tahun bersara kerana bergantung sepenuhnya kepada caruman.

Lanjutan di muka 10,11 →

RM1 juta hidup selesa selepas bersara

RAKYAT Malaysia memerlukan simpanan sekurang-kurangnya RM1 juta untuk memastikan kehidupan yang selesa selepas bersara, kata Pengarah Kanan Hubungan Pelanggan ReMark Malaysia Sasitharan Krishnan.

Berdasarkan kajian yang dijalankan di kalangan sebilangan besar pesara di negara ini, katanya tidak dapat mencapai jumlah simpanan yang sepatutnya dan ini menyebabkan mereka terpaksa mencari kerja walaupun selepas bersara.

Kegagalan membuat simpanan mencukupi, katanya adalah disebabkan kerana mereka tidak merancang kewangan lebih awal dan

rankan agar kerajaan menimbangkan semula cadangan usia persaraan 55 tahun kepada 65 tahun," katanya ketika

Selain itu, katanya usia persaraan 55 tahun turut menjadikan pekerja Malaysia tidak produktif pada dua atau tiga tahun sebe-

RM1 juta tidak cukup selepas bersara

JOHOR BAHRU 20 April - Rakyat Malaysia daripada golongan sederhana memerlukan sekurang-kurangnya RM1 juta ketika bersara sekiranya mahu mengekalkan gaya hidup semasa.

Pengurus Negara ESG Direct Asia Pte. Ltd. bagi Malaysia, K. Sasitharan berkata, bagaimanapun jumlah itu sebenarnya hanya sekadar 'cukup makan' jika diambil kira kos perubatan dalam tempoh berkenaan.

TIP RM 22 Emas Sebagai Penyimpan Nilai?

Seorang rakan bertanya, benarkah dakwaan yang mengatakan "emas adalah penyimpan nilai".

Respon saya, ya.

Jika nilai itu merujuk kepada berat emas, memang ia akan kekal. Emas 100 gm yang kita beli 3 tahun lepas, akan kekal 100 gm.

Tapi jika nilai merujuk kepada mata wang, ia akan berubah-ubah.

Emas yang dibeli 3 tahun lepas, akan berkurangan nilai RMnya jika dijual hari ini, tolak pula nilai 'spread'.

Jika ingin untung banyak dalam industri emas, pilih untuk jadi peniaga emas.

Sebagaimana jika ingin untung dlm industri takaful, pilih untuk jadi perunding takaful.

PELABURAN EMAS

Ketika membuat penilaian harga emas, biasanya kita akan merujuk kepada graf yang dikeluarkan oleh Kitco untuk perbandingan harga emas terdahulu, sekarang dan unjuran akan datang.

Sebenarnya, selain dari graf Kitco, kita perlu juga merujuk jadual kadar tukaran asing RM - USD.

Ini kerana harga di Kitco ditunjukkan dalam nilai USD, dan pembelian yang kita lakukan di Malaysia menggunakan RM.

Tidak semestinya ketika harga emas dunia yang turun sekarang adalah adalah lebih murah jika dibeli sekarang kerana nilai RM juga adalah turun jika disandarkan kepada USD.

Atau ketika harga emas naik, tidak semestinya ia lebih mahal jika sekiranya nilai RM juga semakin naik berbanding USD.

Jadi, ada beberapa situasi untuk perkiraan;

1. Harga emas jatuh, dan nilai RM jatuh.

2. Harga emas naik, dan nilai RM naik.

3. Harga emas naik, tapi nilai RM jatuh.

4. Harga emas jatuh, tapi nilai RM naik.

Sesuatu yang naik, pasti akan jatuh dan begitulah sebaliknya.

TIP RM 23 Bank Konvensional Vs Bank Islam

Antara soalan popular yang sering ditanya berkaitan tajuk ini adalah;

"Bagaimana kontrak perbankan patuh syariah berbeza dengan kontrak perbankan konvensional?"

Berikut adalah huraian ringkasnya, dalam isu PINJAMAN PERIBADI;

Pinjaman Peribadi Perbankan Konvensional

Dalam kontrak perbankan konvensional, hanya melibatkan satu kontrak sahaja iaitu;

+ A meminjam dari BANK sejumlah RM10,000 dan BANK mengenakan interest sebanyak RM5,000. Maka A perlu membayar balik sebanyak RM15,000 dengan bayaran RM125 sebulan selama 10 tahun.

Pembiayaan Peribadi Perbankan Islam

Dalam kontrak pembiayaan Islam, ia bukan dikenakan caj ke atas pinjaman, sebaliknya ada dua kontrak terlibat di situ, iaitu;

+ Kontrak 1: BANK XYZ menjual komoditi (contoh CPO) kepada A SECARA ANSURANS sebanyak RM15,000. Maka A akan perlu membayar kepada BANK XYA secara ansuran RM15,000 selama 10 tahun sebanyak RM125 sebulan.

+ Kontrak 2: A menjual balik komoditi tadi kepada BANK XYZ, tapi kali ini SECARA TUNAI. Maka A akan mendapat RM10,000 sekaligus.

+ Kedua-dua kontrak adalah berasingan. Malah selepas kontrak 1, A berhak menerima komoditi tersebut jika dia tidak mahu meneruskan ke kontrak ke-2.

Sudah nampak perbezaannya?

"Jika orang Islam mempunyai sistem kewangan dan perbankan Islam, sepatutnya orang-orang agama lain pun boleh mempunyai bank mereka sendiri. Patut ada bank Kristian, bank Budha, bank Hindu", kata seorang rakan, macam menduga.

Berfikir sejenak, sebelum memberi respon;

"Ya, boleh.

Datangkan sumber-sumber ajaran agama mereka dengan autoriti kata-kata tuhan dan kitab-kita agama mereka tentang sistem kewangan dan perbankan di dalam agama mereka....

... Sebagaimana yang ada di dalam Islam".

Islam agama sempurna, dari sekecil-kecil masuk tandas sehingga pemerintahan negara, Islam ada panduannya.

PENYUCIAN KEWANGAN / PURIFICATION

24. Pesanan Berharga

25. Hibah dan Waqaf: Perancangan Kewangan Akhirat

26. Zakat Bukan Sekadar Zakat Fitrah

Perlindungan kewangan yang lebih hebat daripada produk takaful, dan rawatan yang lebih hebat daripada mana-mana produk medical card, Rasulullah sudah berikan sejak 1400 tahun dahulu.

"Lindungilah harta kamu dengan zakat, dan ubatilah penyakit antara kalian dengan sedekah" - hadith riwayat Thabrani.

Pada zaman Khulafa' ar-Rasyidin, umat Islam yang tidak membayar zakat akan diperangi setaraf dengan orang yang murtad yang mengkhianati Islam.

Pada zaman sekarang, rakyat yang tidak membayar cukai akan diperangi, setaraf dengan pengkhianat negara.

Ironi.

BERJAYA DUNIA AKHIRAT

"Pay for ALLAH first, then pay for yourself."

Bayar 10% untuk ALLAH dan kemudian barulah bayar 10% untuk diri sendiri.

Bayar untuk ALLAH seperti zakat, derma, sedekah, waqaf, infaq dimana kegunaannya adalah untuk akhirat.

Manakala, bayar untuk diri sendiri seperti simpan dan labur adalah untuk dunia.

Analogi begini.

Sebuah bekas yang penuh dengan air, tidak mampu lagi menampung air baru sehinggalah dituangkan sebahagian.

Begitu juga dengan harta yang kita miliki, ia perlu 'dituang' sebahagiannya melalui zakat, sedekah, infaq atau derma agar harta baru boleh masuk.

TIP RM 25

Hibah Dan Waqaf: Perancangan Kewangan Akhirat

Perancangan kewangan Islam bukan semata perancangan kewangan untuk KEHIDUPAN malah juga perancangan kewangan untuk menghadapi saat KEMATIAN.

Jika dalam kehidupan di dunia kita meletakkan matlamat PENDAPATAN PASIF supaya beroleh pendapatan secara pasif tanpa perlu bekerja, maka untuk kehidupan kita di akhirat pula kita perlukan PAHALA PASIF.

PAHALA PASIF diperlukan supaya kita beroleh pahala berterusan selepas mati untuk bekalan kita di akhirat.

Antara cara untuk kita membuat perancangan kewangan AKHIRAT adalah melalui kaedah HIBAH dan WAQAF.

Perancangan HIBAH dan WAQAF sewaktu hidup ini membolehkan kita memberi sedekah kepada badan waqaf atau orang yang disayangi apabila berlaku kematian.

Yang menarik melalui kaedah takaful, WAQAF atau HIBAH boleh dilakukan dengan kos serendah RM100 sebulan dapat memberi HIBAH setinggi RM240,000 selepas kematian!

Yang lebih menarik, melalui HIBAH / WAQAF takaful ini, ia tidak perlu diambil daripada harta pusaka yang kita kumpulkan sewaktu hidup.

Jika hendak memberi WAQAF atau HIBAH melalui cara biasa daripada harta kita sebanyak RM100,000 apabila meninggal dunia, maka kita perlu mempunyai harta melebihi jumlah itu sewaktu hidup.

Tapi melalui kaedah takaful ini, ia dapat dilakukan dengan cara yang lebih murah dan mudah



Nama Peserta : [redacted]
No. sijil : 88200921317139 (DC201400799)
Pelan Takaful : IKHLAS SAVINGS TAKAFUL

Kami merujuk kepada dokumen yang diterima berkenaan dengan peserta di atas.

Pihak kami telah meneliti kes tuntutan ini dan ingin memaklumkan bahawa pihak kami telah bersetuju membayar tuntutan ini sebagaimana pengiraan di bawah :

Jenis Manfaat		Jumlah manfaat
Manfaat Asas	RM	50,000.00
Lebihan Pelaburan (PIA/PRIA)	RM	9,013.12
Nilai Lebihan	RM	0.04
Jumlah	**RM**	**59,013.16**

Berdasarkan Borang Hibah yang ditandatangani oleh Peserta pada 17/12/2009, pembahagian nilai tuntutan seperti berikut :

		Manfaat (RM)
MAAHAD TAHFIZ DARUL QURAN WAL - QIRAAT	50%	25,000.00
MOHD AZRIFF BIN ABDUL RAHMAN	25%	12,500.00
NUR IMAN QURRAITAAINI BINTI ABDUL RAHMAN	25%	12,500.00
JUMLAH		50,000.00

Bersama–sama ini disertakan 2 keping cek bernombor BIMB227645 bernilai RM12,500.00 di atas nam AZRIFF BIN ABDUL RAHMAN sebagai pembayaran manfaat asas di atas dan BIMB227646 bernilai RM9, atas nama KHALIJAH BINTI BIDIN sebagai bayaran nilai pelaburan PIA/PRIA dan nilai lebihan. Untuk makl nilai pelaburan PIA/PRIA dan lebihan tidak dihibahkan dan tuan perlulah membahagikannya menurut huk rujuk lampiran).

agi manfaat selebihnya iaitu sebanyak 25% yang dihibahkan kepada NUR IMAN QURRAITAAINI BI AHMAN, buat masa ini pihak kami tidak dapat membuat pembayaran tersebut kerana beliau masih di 4 tahun). Sehubungan itu sila kemukakan kepada kami surat Pemegang Amanah atau Surat Pentadbir Administration) untuk pembayaran baki nilai manfaat. Bagi kemudahan puan, surat pentadbir terse pohon dari mana-mana pejabat pentadbir harta pusaka seperti Amanah Raya Berhad, Mahkamah ejabat Tanah Daerah. Sila kemukakan kepada kami surat berkenaan dengan kadar segera agar p ntutan dapat dijelaskan.

ekiranya ada sebarang pertanyaan, sila hubungi Ikhlas Care di talian 03-27239696 atau e-m hlascare@takaful-ikhlas.com.my atau complaints@takaful-ikhlas.com.my . Sekian, terima kasih.

ang benar
AKAFUL IKHLAS BERHAD

ATIN HAJJAH SALINA BINTI HAMDAN
AIB PRESIDEN - JAB. TUNTUTAN KELUARGA

s.k FG00041 - ZURAIDAH HANIM BINTI IBRAHIM

Gambar di atas diambil dari FB Puan Zuraidah Hanim, HIBAH / WAQAF dilakukan melalui takaful.

TIP RM 26

Zakat Bukan Sekadar Zakat Fitrah

Satu lagi jenis zakat ialah zakat harta yang terkadang terlepas pandang. Ia meliputi zakat pendapatan, zakat simpanan, zakat perniagaan, zakat emas perak, zakat pertanian dan lain-lain.

Kiraannya ialah 2.5% (bergantung kepada jenis zakat) daripada harta wajib zakat selepas cukup haul dan nasab. Tempohnya ialah satu tahun hijrah.

Jika dibayar mengikut tahun masihi, kiraannya menjadi 2.533%.

Kadar zakat 2.5% dikira berdasarkan tempoh tahun hijrah, bukan tahun masihi.

Bagi memudahkan kita ingat pembayaran zakat mengikut tahun hijrah, sebaiknya pembayaran zakat dilakukan pada setiap bulan Ramadhan.

Selain mudah ingat, ia juga menggandakan pahala Ramadhan.

WANG

SUSAH dicari

Tapi SENANG dihabisi.

infaQ
CONSULTANCY SDN BHD
"Plan Your Wealth, Change Your Life"

/INFAQ.my

PENGAGIHAN KEWANGAN / DISTRIBUTION

27. Perancangan Kewangan Kematian
28. Bagaimana Merancang Harta Sepencarian
29. Isu Harta Sepencarian
30. Penama Bukan Pewaris – Fatwa

TIP RM 27 Perancangan Kewangan Kematian

Perancangan kewangan Islam bukan semata perancangan kewangan untuk KEHIDUPAN malah juga perancangan kewangan untuk menghadapi saat KEMATIAN.

Sebab, selepas berlaku KEMATIAN, harta si mati akan digunakan untuk urusan-urusan berikut;

1) Pengurusan jenazah

2) Melangsaikan hutang

3) Pembahagian harta sepencarian

4) Menunaikan wasiat

5) Pembahagian faraidh

Berikut dihuraikan satu per satu

PENGURUSAN JENAZAH

Kos urusan jenazah ditanggung oleh 'si mati' menggunakan harta peninggalannya.

Dari urusan mandi jenazah (kos air, kos kapur barus, kos sabun), dikapankan (kos kain kafan, kos tali pengikat kain kafan), disolatkan, dan dikebumikan (kos van jenazah, kos gali kubur oleh Tok Adi).

Kos-kos di atas memerlukan wang yang akan ditolak dari harta peninggalan si mati.

Sebab itu dalam masyarakat Melayu Muslim ada amalan khairat kematian di surau atau masjid untuk digunakan apabila berlaku kematian di dalam qaryah.

MELANGSAIKAN HUTANG

Hutang terbahagi kepada dua;

a) Hutang dengan Allah, seperti; qadha solat, qadha puasa, qadha zakat, badal haji.

Hutang-hutang di atas boleh diselesaikan melalui bayaran fidyah dan upah badal haji. Semua akan ditolak dari harta peninggalan si mati.

b) Hutang dengan manusia, seperti hutang rumah, hutang kereta,hutang runcit,hutang peribadi, hutang PTPTN, dan hutang-hutang lain.

Hutang-hutang ini perlu dilangsaikan menggunakan harta peninggalan si mati.

Hutang wajib dibayar sekalipun tidak dituntut. Malah dalam hadith menyebut bahawa roh jenazah orang yang mati syahid pun akan tergantung sehinggalah hutangnya diselesaikan.

PEMBAHAGIAN HARTA SEPENCARIAN

Perkara ini perlu diuruskan apabila si mati mempunyai pasangan yang masih hidup. Proses ini perlu mendapat kelulusan daripada mahkamah syariah. Saya pernah menulis sebelum ini di http://rahsiatakaful.com/bagaimana-merancang-harta-sepencarian.html

Maksima tuntutan harta sepencarian selalunya 50% daripada harta peninggalan si mati. Ia bergantung kepada kadar sumbanagn pasangan sewaktu hidup.

MENUNAIKAN WASIAT

Wasiat atau hasrat arwah sewaktu hidup perlu ditunaikan, jika ada. Dalam berkaitan dengan urusan kewangan, wasiat tersebut tertakluk kepada 1/3 baki harta. Sebagai contoh jika arwah mahu mendermakan harta kepada anak angkat, anak yatim, masjid atas sebagainya. Ia sangat penting kerana jiak ia diwaqafkan, ia akan menjadi amal jariah si mati di dalam kubur.

PEMBAHAGIAN FARAIDH

Ini adalah perkara yang paling akhir sekali perlu dilakukan selepas urusan-urusan di atas selesai.

RUMUSAN:

Perancangan kewangan seseorang muslim perlu dirancang bukan sekadar untuk kehidupan sewaktu hidup, malah juga perlu dirancang kewangan selepas berlaku kematian. Jika tidak ia, harta atau hutang yang ditinggalkan ketika hidup akan menambah beban ahli keluarga yang tinggal.

TIP RM 28 Bagaimana Merancang Harta Sepencarian

Bagi pasangan suami isteri, pembelian rumah dalam tempoh perkahwinan boleh dianggap sebagai harta sepencarian.

Supaya memudahkan proses tuntutan harta sepencarian, ada beberapa cara yang boleh dilakukan oleh pasangan suami isteri.

Cara pertama, rumah dibeli atas kedua-dua nama suami dan isteri. Dengan cara ini, masing-masing memiliki hak 50% – 50% terhadap rumah yang dibeli.

Cara lain ialah, rumah boleh dibeli atas nama salah seorang dan kemudian selepas selesai proses pembelian, boleh dibuat deklarasi harta sepencarian. Deklarasi ini untuk membuat pengisytiharan rasmi bahawa rumah yang dibeli tadi adalah harta sepencarian pasangan suami isteri tadi.

Dalam deklarasi tersebut, pasangan boleh memilih bahagian masing-masing 50% – 50%, 60% – 40%, atau sebagainya. Yang paling ideal ialah 50% – 50%. Deklarasi ini boleh dibuat melalui peguam.

Perancangan harta sepencarian juga merupakan sebahagian daripada perancangan kewangan dan harta muslim.

Deklarasi harta sepencarian adalah dokumen yang berasingan daripada wasiat kerana wasiat hanya berfungsi apabila berlaku kematian manakala deklarasi harta sepencarian pula akan akan berfungsi selain dari berlaku kematian, iaitu perceraian atau poligami.

Merancang harta sepencarian ini memudahkan proses tuntutan di kemudian hari, sama ada berlaku kejadian seperti perceraian, poligami atau kematian.

Implikasinya nanti, bahagian masing-masing sudah dirancang awal-awal dan dapat mengurangkan konflik di kemudian hari.

Contohnya, apabila suami meninggal dunia maka isteri perlu membuat permohonan di mahkamah untuk mendapatkan hak harta sepencarian rumah yang dibeli atas nama suami. Ini memerlukan isteri arwah mengumpulkan dokumen-dokumen sokongan untuk dibuktikan di mahkamah.

Jadi, dengan adanya dokumen deklarasi harta sepencarian akan memudahkan isteri tadi membuat tuntutan.

Jika tidak dibuat tuntutan harta sepencarian, hak faraidh isteri tadi hanyalah 1/8 (jika ada anak) atau 1/4 jika ada anak.

Melalui tuntutan harta sepencarian, isteri boleh mempunyai hak 50% ke atas rumah dan baki 50% lagi barulah difaraidhkan sesama ahli waris.

Maknanya isteri boleh mendapat hak majoriti ke atas rumah tadi, apabila dicampur hak harta sepencarian 50% dan hak faraidh sehingga 25%.

Jika tidak, ada kemungkinan isteri tadi terpaksa keluar rumah apabila hanya bergantung kepada hak faraidh yang paling tinggi pun 25% sahaja.

TIP RM 29 Isu Harta Sepencarian

Isnin 18 April 2005

Nasional

Ahli perniagaan berhak tuntut harta sepencarian bapa RM1.7j

Oleh Betty Subaryati dan Nasir Hassan

Aishah

Bukhari

Isu harta sepencarian merupakan isu fiqh muamalat kontemporari.

Ia tidak ada secara jelas di dalam al-Quran, Hadith malah dalam kitab-kitab fiqh 4 mazhab.

Di Malaysia, harta sepencarian merujuk kepada harta yang dimiliki oleh pasangan suami isteri SELEPAS berkahwin. Kata kuncinya ialah “SELEPAS BERKAHWIN”.

Isu harta sepencarian, akan timbul dalam 3 situasi, iaitu;

1. Kematian salah seorang pasangan

2. Poligami

3. Penceraian

Selasa 12 April 2005 — Agama — BERITA HARIAN

Suami isteri perlu tahu hak harta sepencarian

Oleh Masrina Mohd Yunos

SETIAP pasangan suami atau isteri perlu mengetahui hak terhadap harta pencarian yang diperoleh ketika perkahwinan. Perkara itu penting bagi mengelak masalah berlarutan mengenai hak berkenaan selepas berlaku pertceraian atau kematian salah seorang daripada mereka.

Dalam banyak kes, kebiasaannya pasangan bercerai menimbulkan usaha merebut hak penjagaan anak. Mereka kadangkala terlupa satu lagi aspek penting dalam perkongsian hidup itu iaitu hak harta sepencarian suami dan isteri.

Menyedari keadaan itu, Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) dengan kerjasama Jabatan Syariah dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM) mengadakan seminar Mahkamah Syariah dan Isu-isu Semasa-Harta Sumiri-Harta Isteri Siri II pada Sabtu lalu.

Lima kertas kerja merangkumi peruntukan undang-undang, prosedur di Pejabat Pusaka Kecil, birokrasi dan penyelesaian serta caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dibentangkan.

Pembentang kertas kerja ialah Prof Madya Dr Suwaid Tapah dari Jabatan Syariah dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam UM; Presiden PGSM, Muhamad Burok; Ketua Hakim Syarie Terengganu, Datuk Ismail Yahaya; Pengarah Pembahagian Pusaka Kecil Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Wilayah, Abdullah Mohamed dan Pengurus Besar Kanan Undang-Undang KWSP Ibrahim Taib.

Dr Suwaid berkata, kebelakangan ini pelbagai tuntutan harta dibangkitkan oleh isteri atau bekas isteri termasuk isu berkaitan mengurus rumah, anak dan simpanan suami.

Katanya, begitu juga bagi pasangan yang salah seorang meninggal dunia, di mana si isteri atau suami meminta hak harta sepencarian dibahagikan terlebih dulu sebelum menentukan harta pusaka sebenar si mati.

Perkara ini, katanya, amat rumit dan memerlukan tuntutan kepada sumber hukum syarak yang mengiktiraf hasil penat lelah pasangan itu sebagai harta sepencarian.

Dalam hal ini, pertikaian *harta suami isteri menurut Imam Al-Syafie,merujuk kitabnya Al Um* boleh diselesaikan mengenai kaedah pembuktian. Tetapi, jika tidak dapat dibuktikan maka sumpah digunakan dan harta itu dibahagi dua dan sama banyak.

Dr Suwaid dalam kertas kerjanya bertajuk Harta Suami: Harta Isteri - Perspektif Menurut Undang-Undang Syariah juga menyebut syarak harta sebenar adalah harta bersih selepas ditolak hutang atau wasiat.

Katanya, pembahagian harta juga boleh dibuat secara adat di mana amalan adat seperti itu pernah dikanun di sesetengah negeri dan dikuatkuasakan.

"Contohnya Undang-Undang Mahkamah Syariah Sarawak 1965 yang memperuntukkan kadar pembahagian mengikut sumbangan tenaga atau harta atau wang dan satu pertiga lagi jika isteri bekerja.

"Tetapi jika isteri menjadi suri rumah sepenuh masa, maka dia berhak mendapat satu pertiga daripada harta sepencarian yang dipertikaikan," katanya.

PESERTA seminar khusyuk mendengar ceramah. – Gambar oleh Hillm Mat Ali

Ibrahim Taib

Dr Suwaid Tapah

Dr Suwaid berkata, pembahagian harta sepencarian mengikut adat seperti itu diktiraf dalam Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian 1955) beliau kemudian memetik kes Ramah dan Laton (zaman penjajahan British) diselesaikan secara sulh (perdamaian) di mahkamah kadi.

Bagaimanapun, sekitar tahun 1990-an timbul isu sama ada sumbangan (tidak langsung boleh dianggap sebagai harta sepencarian. Berikutan keadaan itu kerajaan Selangor, Negeri Sembilan dan Perak membuat tafsiran dengan mengiktiraf harta tidak langsung itu sebagai harta sepencarian.

Bagaimanapun, katanya, dalam beberapa kes yang dibawa ke mahkamah, si isteri yang menuntut hanya diberikan hak satu pertiga atau satu perempat atas ihsan mahkamah.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan pasangan suami isteri supaya memanfaatkan harta sepencarian mengikut hukum syariah kerana pemilikan harta individu memang diktiraf di sisi syarak.

Ibrahim dalam kertas kerjanya bertajuk Harta Suami: Harta Isteri-Caruman KWSP dan Peruntukan Undang-Undang Berkaitan menjelaskan mengenai status KWSP yang tidak boleh dituntut sebagai harta sepencarian, sebaliknya diserahkan kepada pentadbir harta (wasi) untuk tujuan pembahagian.

Katanya, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia memutuskan wang KWSP yang disimpan adalah pusaka yang mesti dibahagikan mengikut hukum faraid.

Bagaimanapun, katanya, masalah yang timbul adalah wasi tidak membahagikan simpanan mengikut hukum faraid di mana jika perkara itu berlaku, KWSP tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap wasi terbabit.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan kerajaan negeri melalui Majlis Agama Islam masing-masing membuat peruntukan undang-undang yang sesuai bagi menangani kes itu. Setakat ini, hanya Terengganu mempunyai peruntukan undang-undang berkaitan.

Ibrahim menekankan perlu ahli KWSP membuat penamaan ketika hayat bagi memudahkan wang simpanan dibahagikan kepada waris berhak.

Katanya, bagi ahli yang meninggal dunia dan tidak membuat sebarang penamaan yang simpanannya tidak melebihi RM20,000, KWSP akan membuat pembayaran kepada waris dalam tempoh dua bulan selepas kematian.

"Bagi simpanan melebihi RM20,000, penuntut perlu mengemukakan surat probet, surat kuasa pentadbiran dan perintah pembahagian kepada lembaga KWSP sebelum sesuatu bayaran dibuat," katanya.

KWSP terikat kepada Seksyen 51 Akta KWSP, yang memperuntukkan caruman dan deposit dalam dana KWSP tidak boleh diserah hak, dipindahkan atau ditahan untuk apa-apa maksud sekali pun.

Apabila berlaku ketiga-tiga situasi di atas, maka akan timbul isu harta sepencarian.

Dan selalunya isu ini akan timbul dalam situasi yang tidak harmoni, yakni berlaku perebutan hak masing-masing di antara ahli waris (dalam kes kematian), atau di antara suami-isteri (dalam kes poligami dan penceraian).

Praktis di Malaysia, isu harta sepencarian terpaksa diputuskan di mahkamah. Apabila ia berlaku dalam keadaan tidak harmoni dan perebutan, sudah tentu ia boleh meretakkan hubungan keluarga dan merumitkan keadaan.

Sebagai contoh, dalam kes kematian si suami, akan timbul tuntutan harta sepencarian oleh si isteri di mahkamah. Situasi akan bertambah sulit apabila adik beradik si suami masuk campur menuntut hak faraidh mereka dalam kes pasangan tanpa anak atau tiada anak lelaki.

Tambah memeritakan, apabila si suami terpaksa turun naik mahkamah untuk menuntut harta sepencarian yang dibina bersama suami ketika hidup dan di atas nama suami.

Jika dalam kes penceraian dan poligami, lebih akan menimbulkan berantakan terutama proses penceraian dan poligami berlaku dalam keadaan tidak harmoni. Jarang sekali di Malaysia berlaku kes penceraian dan poligami secara baik. Ada, tapi jarang-jarang berlaku.

Sebenarnya, ada SOLUSI untuk perkara ini.

SOLUSInya ialah dengan membuat satu perjanjian di antara suami isteri melalui DEKLARASI HARTA SEPENCARIAN.

Sebaiknya ia dibuat melalui peguam atau melalui pemegang amanah. Dalam deklarasi ini, pasangan akan mengisytiharkan mana-mana harta sebagai harta sepencarian dan ia hendaklah mempunyai saksi dan duti stem.

Dengan dokumen ini, apabila berlaku ketiga-tiga situasi di atas, ia lebih memudahkan pasangan yang terlibat dan juga mahkamah untuk memutuskannya.

Dan yang paling penting, ia perlu dilakukan ketika rumah tangga harmoni, sebelum berlakunya 3 perkara di atas.

TIP RM 30 Penama Bukan Pewaris



e-Fatwa
Portal Rasmi Fatwa Malaysia
Khamis, 15 May 2014 | 15 Rejab 1435 H

Utama | Apa Itu Fatwa? | Latar Belakang | Senarai Fatwa | Informasi | Rujuka

Nominee (Penama)

Muzakarah | Newsletter e-Fatwa | Muamalat/Ekonomi

2184 reads ShareThis

Like Share 11

Keputusan | English Version | Arabic Translation

Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-15 yang bersidang pada 6 Mac 1978 telah membincangkan Nominee (Penama). Persidangan telah memutuskan bahawa:

1. Melantik penama (Nomination) oleh orang-orang Islam dalam mana-mana badan atau institusi di mana mereka menyimpan sebarang harta adalah tidak sah untuk diterima sebagai waris yang berhak menerima pusaka si mati cuma ia adalah sebagai yang melaksanakan wasiat untuk membahagikan harta pusaka tersebut kepada para waris mengikut hukum syarak.

2. Bahawa orang-orang Islam tidak boleh melantik penama (Nominee) oleh kerana penama mengikut definasi undang-undang awam (sivil) adalah bertentangan dengan hukum syarak dan tidak sah.

3. Oleh itu udang-undang awam (sivil) yang berkenaan hendaklah dipinda supaya sebarang penamaan (Nomination) oleh seseorang Islam menjadi tidak sah. Ini bermakna peruntukan mengenai Nomination atau perlantikan nominee tidak tertakluk kepada orang-orang yang beragama Islam sama ada sesuatu Nomination itu dibuat sebelum atau selepas fatwa ini dipersetujui oleh Raja-raja Melayu.

Sumber: http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/nominee-penama

Isu-isu yang bersangkut paut termasuklah isu faraidh, pewarisan harta pusaka, penama KWSP, dan lain-lain lagi.

Di dalam undang-undang pusaka Muslim, fungsi penama adalah sebagai pemegang amanah, bukan penerima. Ia terpakai untuk KWSP, takaful, unit amanah, Tabung Haji dan lain-lain.

Berikut adalah petikan fatwa tersebut;

“Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-15 yang bersidang pada 6 Mac 1978 telah membincangkan Nominee (Penama). Persidangan telah memutuskan bahawa:

Melantik penama (Nomination) oleh orang-orang Islam dalam mana-mana badan atau institusi di mana mereka menyimpan sebarang harta adalah tidak sah untuk diterima sebagai waris yang berhak menerima pusaka si mati cuma ia adalah sebagai yang melaksanakan wasiat untuk membahagikan harta pusaka tersebut kepada para waris mengikut hukum syarak.

Bahawa orang-orang Islam tidak boleh melantik penama (Nominee) oleh kerana penama mengikut definasi undang-undang awam (sivil) adalah bertentangan dengan hukum syarak dan tidak sah.

Oleh itu udang-undang awam (sivil) yang berkenaan hendaklah dipinda supaya sebarang penamaan (Nomination) oleh seseorang Islam menjadi tidak sah. Ini bermakna peruntukan mengenai Nomination atau perlantikan nominee tidak tertakluk kepada orang-orang yang beragama Islam sama ada sesuatu Nomination itu dibuat sebelum atau selepas fatwa ini dipersetujui oleh Raja-raja Melayu.”

Jika selama ini ada yang menyangka penama yang diletakkan di dalam borang penama takaful, unit amanah dan lain-lain sebagai penerima, masih ada masa untuk berbuat sesuatu.

Bagi takaful, ada cara terbaik untuk memastikan pampasannya menjadi milik 100% pasangan kita. Ia sesuai untuk suami isteri.

Manakala bagi harta-harta lain seperti rumah, simpanan bank, unit amanah, saham, emas dan lain-lain, perlu melantik pemegang amanah. Pemegang amanah boleh jadi individu atau institusi.

PENUTUP

30. Kaya Vs Miskin
31. Buat Jangan Tak Buat

TIP RM 31 Kaya Vs Miskin

Kaya adalah pilihan, miskin juga adalah pilihan. Ada sahabat baginda yang kaya raya dalam masa sama ada juga ada yang miskin papa. Tiada mulianya kaya, dan tiada hinanya miskin, hanya taqwa sahaja di mata Allah. Miskin tapi taqwa itu mulia berbanding kaya tanpa taqwa.

Menjadi si kaya dan bertaqwa, itulah muslim terbaeeek - dapat bina masjid, bayar zakat, bina rumah anak yatim, waqaf harta, bantu gerakan Islam malah senjata untuk membantu Palestin, tidak dapat dibuat si miskin yang bertaqwa.

Ada seorang tokoh agama berkata;

"Apa perlu kaya, sekaya mana pun kita takkan mungkinakan sampai 10 pinggan. Tetap sepinggan dua pinggan sahaja sahaja kita makan, miskin atau kaya".

Tanpa mempertikaikan keilmuan tokoh tersebut, ini respon saya;

Saya memahami konteks persoalan yang dikemukakan dan perkara yang direspon oleh beliau iaitu tegurannya untuk yang lalai dalam mencari harta.

Betul katanya, kalau sekaya mana pun kita, tak mungkin kita blleh makan sampai 10 hatta 20 pinggan sekalipun. Kita tetap akan makan sepinggan atau dua pinggan.

Cuma bezanya, jika kita kaya kita tetap makan sepinggan dua dalam masa sama kita boleh beri makan 10 - 20 pinggan untuk orang miskin atau anak yatim.

Kaya atau miskin adalah pilihan, bukan ketentuan semata.

Jika kita dilahirkan miskin, ia ketentuan dan kita boleh membuat pilihan untuk mengubah atau kekal dengannya.

Jika kita dilahirkan kaya juga adalah ketentuan, dan kita juga boleh memilih untuk kekal atau mengubahnya. Kaya tidak semestinya mulia, miskin tidak semestinya hina.

Duit hanya alat, menjadikan orang baik terserlah kebaikannya dan menjadikan orang jahat terserlah kejahatannya.

Orang miskin yang baik akan tetap baik apabila ditakdirkan menjadi kaya.

Orang kaya yang jahat, akan tetap jahat jika dia jatuh miskin sekalipun.

TIP RM 32 Buat, Jangan Tak Buat

Menjemput rezeki lebih mudah daripada mencari rezeki.

Mencari rezeki bermaka kita berusaha untuk beroleh rezeki. Manakala menjemput rezeki bermakna kita melakukan perkara-perkara yang disukai oleh pemberi rezeki.

Umpama semut, di tempat yang tiada semut - mencari semut adalah perkara yang sukar. Tapi, dengan meletak perkara-perkara yang disukai semut, maka semut dengan mudahnya datang.

Itulah analogi menjemput rezeki, yang disebut oleh Ustaz Fathuri, penulis buku "Mudahnya Menjemput Rezeki.

Malah semut menjadi gambar hiasan buku tersebut.

Kalau buat pun belum tentu dapat, kalau tidak buat lagilah tidak dapat. Kalau tidak buat, tentu tidak dapat. Kalau buat, sekurang-kurangnya ada peluang untuk dapat. Jadi, bukankah lebih baik buat?

Jadi, buat sahajalah! Just do it!

Itulah ilmu dan pengalaman yang paling bermakna.

AFYAN MAT RAWI

- ✓ Konsultan bertauliah Islamic Financial Planner (IFP)
- ✓ Konsultan Kanan di INFAQ Consultancy
- ✓ Dikenali juga sebagai “Scam-Buster” selepas membongkar skim-skim sontot spt skim emas delay, UFUN, YSLM, Infinity Downline dan banyak lagi.
- ✓ Tulisan-tulisan beliau pernah tersiar di Harian Metro, MajalahNiaga.com, Majalah Solusi, Majalah Prospek Hartanah.
- ✓ Pernah bersiaran di TVAH dlm rancangan Assalamualaikum dan Magnet Diri.
- ✓ Trainer bagi program-program kewangan seluruh negara utk jabatan-jabatan kerajaan, swasta dan umum.

Tinta Biz

Oleh **Afyan Mat Rawi**

Berbelanja ikut kemampuan

Elak pembaziran, rancang setiap wang dikeluarkan supaya diri tidak terbeban

Oleh Afyan Mat Rawi

Menjelang musim perayaan, ramai akan mula mencongak apa yang mahu dibeli dan ada kalanya senarai barangan jauh lebih banyak daripada bajet yang diperuntukkan ketika di luar musim perayaan.

Ini akan menyebabkan jumlah perbelanjaan lebih tinggi dan lebih membimbangkan apabila ia akan menyebabkan pengguna menanggung bebanan hutang akibat terlebih belanja.

Berdasarkan Pekeliling Jadual Pembayaran Gaji Kakitangan Awal 2015, kakitangan awam bakal memperoleh gaji lebih awal pada bulan Julai iaitu sekitar 9 Julai 2015 memandangkan hari raya Aidilfiri dijangka jatuh pada 17 atau 18 Julai nanti.

Tarikh penerimaan gaji ini adalah dua minggu lebih awal berbanding biasa iaitu antara 22 hingga 25 hari bulan. Begitu juga segelintir sektor swasta yang akan turut berbuat demikian bagi kemudahan pekerja masing-masing.

Ia menjadikan mereka menerima gaji kira-kira tujuh minggu lebih awal iaitu melebihi tempoh sebulan. Ini adalah cabaran besar untuk penjawat awam menguruskan gaji diterima.

Bagi memastikan gaji diterima dapat diuruskan dengan baik, terdapat tiga peringkat perlu diambil kira supaya tidak timbul isu terlebih belanja pada musim perayaan ini.

Perkara pertama yang perlu diambil kira adalah persediaan mental di mana kita perlu menyediakan simpanan secukupnya.

Jangan habiskan gaji bulan Jun yang diterima pada 25 hari bulan sebelum tiba gaji bulan seterusnya pada gaji 9 Julai. Sebaik saja menerima gaji pada 9 Julai, simpan wang berkenaan sebaik-baiknya dan hanya digunakan selepas tarikh kebiasaan gaji diterima.

Berbelanja secara normal dan jangan habiskan wang gaji pada bulan Jun dalam masa 14 hari perbezaan tempoh penerimaan gaji Jun hingga Julai. Jika tidak, maka akan meranalah selepas raya kelak.

Rancang perbelanjaan menjelang musim perayaan dengan baik. Selalunya perbelanjaan akan meningkat setiap kali menjelang musim perayaan. Jadi, jika tidak dirancang dengan baik, ditambah pula dapat gaji lebih awal - kita akan lebih terdorong berbelanja.

Perlu diingat bahawa anda hanya 'terima gaji lebih awal', bukan 'terima gaji lebih banyak'.

Anda hanya menerima gaji dua minggu lebih awal, bukan menerima gaji dua mingu lebih banyak. Menganggap penerimaan gaji lebih awal sebagai bonus adalah petanda buruk dalam perancangan kewangan.

Aspek kedua yang perlu diingat ialah perbelanjaan sepanjang bulan Ramadan.

Jangan membazir ketika berbelanja khususnya untuk juadah berbuka puasa. Mengikut data yang dikeluarkan baru-baru ini, rakyat Malaysia membazirkan 270,000 tan makanan!

Hadkan perbelanjaan di bazar Ramadan. Caranya ialah dengan membawa wang yang cukup-cukup saja seperti RM10 atau RM20 supaya kita tidak berbelanja melebihi had. Jika tidak pergi ke bazar Ramadan adalah lebih baik. Sehari dapat jimat RM20, maka sebulan kita dapat jimat RM600.

Jika perlu ke bazar Ramadan juga, tahan nafsu lapar anda. Di bazar Ramadan kita tentu rasa ingin membeli semua makanan yang kita suka, tapi ketahuilah bahawa bulan puasa ada 30 hari dan jika sehari kita beli dua jenis makanan, maka sebulan ia berjumlah 60 jenis.

Memasak makanan sendiri lebih afdal dan lebih ekonomi. Ambil kesempatan waktu pulang yang lebih awal berbanding di luar bulan Ramadan untuk menyediakan makanan sendiri.

Aspek ketiga yang perlu diteliti adalah persiapan menyambut lebaran. Membuat persiapan secara bersederhana adalah lebih baik. Banyak perkara yang lebih penting daripada baju raya, kuih raya, kereta raya, perabot raya atau langsir raya iaitu ikatan silaturahim sesama ahli keluarga dan sanak saudara. Fokus kepada aktiviti ziarah-menziarahi bukan kepada menunjuk-nunjuk.

Sekiranya baju raya tahun lalu masih elok, boleh gunakannya sekali lagi. Jika beli baju baru, belilah pakaian yang boleh dipakai di luar musim perayaan agar ia tidak membazir dan terperok di dalam almari selepas Syawal berakhir.

Hias rumah tidak semestinya dengan perabot dan langsir baru. Mungkin dengan hanya cat dengan warna yang lain boleh menyuntik kelainan pada kediaman kita.

Elakkan merancang untuk menukar kereta baru sempena raya. Pertimbangkan alternatif lain untuk pulang beraya sama ada menaiki pengangkutan awam atau menyewa saja pada musim perayaan.

Ia lebih menjimatkan berbanding membayar ansuran bulanan kenderaan yang terpaksa kita tanggung 11 bulan berikutnya selama tujuh hingga sembilan tahun. Ia tidak masuk lagi kos lain memiliki kenderaan seperti petrol, cukai jalan, insurans kenderaan dan servis. Jika kenderaan sedia ada masih dalam keadaan baik, gunakanlah ia sebaiknya dan tidak perlu menukar kenderaan lain.

infaQ CONSULTANCY

PLAN YOUR WEALTH, CHANGE YOUR LIFE

AFYAN MAT RAWI | PERUNDING KANAN

Beliau seorang trainer dan perunding bertauliah Islamic Financial Planner (IFP) oleh Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM – Islamic Banking and Financial Institute Malaysia) di bawah Bank Negara Malaysia.

Beliau terlibat dalam bidang perkhidmatan kewangan sejak tahun 2003 hingga sekarang.

Pelaburan akhirat

Wakaf turut bantu tingkatkan ekonomi umat Islam

LIPUTAN MEDIA CETAK DAN ONLINE

Tulisan-tulisan beliau juga selalu tersiar di MajalahNiaga.com, Harian Metro, Majalah Solusi, Prospek Hartanah Malaysia.

LIPUTAN MEDIA ELETRONIK

Malah beliau juga pernah tampil beberapa kali secara langsung dalam rancangan "Magnet Diri" dan "Assalamualaikum", di TV Al-Hijrah.

Afyan Mat Rawi Afyan.com

infaQ
CONSULTANCY SDN BHD

Plan Your Wealth, Change Your Life

PELUANG KEEMASAN!

SERTAI KAMI SEBAGAI PERUNDING

Kami mengalu-alukan rakan-rakan yang berminat di dalam servis kewangan untuk menyertai kami di INFAQ Consultancy sebagai perunding dan usahawan. Pendapatan 100% berdasarkan bisnes.

INFAQ Consultancy merupakan sebuah firma perkhidmatan kewangan yang menyediakan khidmat nasihat berkaitan kewangan yang mengutamakan pendidikan celik kewangan, dan bukan mengfokus kepada jualan produk semata.

Apabila masyarakat dan publik diberi pendedahan tentang ilmu perancangan kewangan, mereka akan lebih bijak untuk memilih produk-produk kewangan yang ada di pasaran yang sesuai dengan keperluan dan kemampuan kewangan mereka.

VISI

Trendsetter dalam industri perkhidmatan kewangan di Malaysia.

MISI

1. Menyediakan modul pengurusan kewangan dan perancangan harta komprehensif melalui model Intelligent Quotient & Financial Quotient (IQ & FQ).
2. Menyediakan usahawan dan perunding kewangan profesional dan bertauliah IFP untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

www.INFAQ.my | 0192667025